

**Jilid II
Bil. 17**



**Hari Isnin
14hb Ogos, 1972**

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 2211]

RANG UNDANG²:

- Rang Undang² Rahsia Rasmi [Ruangan 2258]**
- Rang Undang² Pendaftaran Negara (Pindaan) [Ruangan 2262]**
- Rang Undang² Zon Perdagangan Bebas (Pindaan) [Ruangan 2289]**
- Rang Undang² Kastam (Pindaan) [Ruangan 2304]**
- Rang Undang² Duti Sewa Filem Wayang Gambar (Pindaan) [Ruangan 2314]**

USUL²:

Waktu Meshuarat dan Urusan Yang di-Bebaskan daripada Peratoran Meshuarat [Ruangan 2257]

Uchapan² Penanggohan—

- Hubungan Diplomatik dengan Republik Ra'ayat China—Penubohan [Ruangan 2319]**
- Rumah² Harga Murah—Pembinaan [Ruangan 2323]**

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Isnin, 14hb Ogos, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., J.M.N., P.J.K., S.P.M.S. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATO' WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.S.M., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).

- Yang Berhormat TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATO' PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

Yang Berhormat DATO' ENGKU MUHSEIN BIN ENGKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Trengganu Tengah).

- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N.,
J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S.
(Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA
(Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR :

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri
TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M.,
P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
(Melaka Tengah).

- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.
(Sungei Siput).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD
GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N.
(Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Kota Bharu Hulu).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K.
(Kota Belud).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.,
K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PESTA PEMBANGUNAN DI-DUNGUN

1. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (*di-bawah S. O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Pesta Pembangunan Yang Pertama pada bulan Ogos, 1972 akan di-adakan di-Dungun dan berapa pula perbelanjaan bagi Pesta itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Pesta Pembangunan yang pertama di-adakan di-Dungun ia-lah bertujuan untuk menarik perhatian yang wajar-nya kepada penduduk² luar bandar khas-nya yang memerlukan ketutamaan dalam usaha² pembangunan negara di-atas usaha² pembangunan dan juga perubahan² yang telah tercapai selaras dengan Dasar Ekonomi Baharu.

Ahli Yang Berhormat patut berbesar hati kerana peristiwa yang penting ini di-adakan di-kawasan-nya sendiri, tetapi dukachita dia tidak ada dalam Dewan ini pada masa ini.

Perbelanjaan yang terlibat ia-lah lebih kurang \$130,000.00.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah bagi pihak Perdana Menteri kita atau pun Kerajaan Malaysia akan mengadakan Pesta Pembangunan ini kali yang kedua-nya pula tahun 1973 ia-itu di-Negeri² yang lain?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah beri arahan ia-itu pesta yang sa-macam ini patut di-adakan di-Peringkat Kebangsaan dua tahun sa-kali, di-Peringkat Negeri tiap² tahun sa-kali dan di-Peringkat Jajahan enam bulan sa-kali.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Dengan ada-nya pesta yang di-jalankan di-Dungun itu, apa-kah itu akan memberi atau pun menambahkan pekerjaan kepada orang² di-daerah itu yang memang dahagakan kepada pekerjaan dengan sebab penutupan lombong bijeh di-sana?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat itu tentu fahamkan bahawa pesta yang sa-macam ini sangat besar faedah-nya, kerana pesta ini ada-lah menunjukkan kepada ra'ayat tentang perubahan² yang sedang di-chapai, sikap² baharu, chara² moden untuk menjalankan perusahaan dan juga ra'ayat di-beri peluang untuk menunjukkan usaha² mereka itu sendiri. Dengan chara ini-lah saya berharap perubahan² yang lebih pesat dapat di-jalankan di-kalangan ra'ayat di-seluruh negara kita bukan sahaja di-Dungun.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Apa-kah pesta yang di-adakan di-Dungun itu tidak di-kaitkan dengan ranchangan yang di-ura²kan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri yang di-namakan Ranchangan Trengganu Tengah?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ranchangan Trengganu Tengah ini lain. Saya telah pun istiharkan ia-itu kita akan melaksanakan Ranchangan Trengganu Tengah ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Oleh kerana pesta ini memberi semangat untuk ra'ayat menambahkan pergerakan-nya dalam penerimaan di-bidang Ranchangan Malaysia Yang Kedua, maka apa-kah peluang² yang akan di-beri oleh Kerajaan bagi daerah yang tersebut supaya mereka dapat mengambil perjalanan sa-chara langsung dalam hal yang tersebut?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, peluang² ada-lah banyak terbuka di-daerah Dungun. Kita akan membuka satu kompleks kayu-kayan dan berkaitan dengan kawasan Trengganu Tengah di-mana saya telah terangkan bahawa tanaman² sedang di-siasat bagi menanam koko, tanaman biji gajus, tanaman tembakau dan juga perusahaan² yang lain yang saya harap dapat memberi peluang pekerjaan kepada penduduk² di-kawasan Dungun dan juga di-seluruh negeri Trengganu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ada lagi soalan tambahan, ia-itu apa-kah jaminan yang di-beri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan ranchangan yang di-adakan di-daerah Dungun itu akan didapati oleh ra'ayat Dungun dalam bidang

menjadi buroh dan bidang menjadi pemborong² dengan sebab ada-nya ranchangan yang di-jalankan di-daerah itu di-mana pemborong²-nya tidak banyak di-dapati oleh ra'ayat di-daerah itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saperti yang saya terangkan tadi, semua usaha² ini telah pun di-jalankan, dan sedang di-jalankan dan faedah² akan dapat diterima oleh semua ra'ayat di-situ.

MENGURANGKAN JURANG PERBEDZAAN

2. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan berchadang menubuhkan suatu Surohanjaya Penyiasat untuk menyiasat penderitaan² yang di-alami oleh penduduk² di-kawasan luar bandar sekarang ini dan jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli Yang Berhormat tahu akan ada-nya Ranchangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan Perikatan yang antara lain, bertujuan untuk membasmikan kemiskinan serta mengurangkan jurang perbedzaan di-antara orang² berada dan yang tidak berada. Perhatian yang khusus di-tumpukan kepada penduduk² di-luar bandar dan usaha² Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup ra'ayat telah dan sedang di-lancarkan dengan giat-nya melalui ranchangan² pembangunan.

Dari itu Kerajaan tidak berchadang menubuhkan sa-buah Surohanjaya Penyiasat bagi perkara yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kerana Kerajaan sudah pun dan sedang menumpukan bahagian besar jentera² Kerajaan terhadap pembangunan negara, khas-nya pembangunan luar bandar.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa sekarang ini sambutan ra'ayat telah ada di-mana mereka mengatakan bahawa mereka sama juga dengan gulongan² lain yang di-kenakan chukai² di-dalam negeri ini, tetapi pendapatan mereka tidak bertambah sedangkan orang² di-kalangan pegawai² Kerajaan dari kalangan guru², dari kalangan pekerja² di-Lembaga²,

dari kalangan wakil² ra'ayat sudah pun menikmati kenaikan gaji dan sa-bagai-nya sedangkan ra'ayat di-kampong² maseh dengan pendapatan biasa ia-itu pendapatan getah yang murah dan harga barang² yang mahal, demikian juga pengeluaran² mereka. Ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar dan apa-kah tindakan-nya agar perasaan gelisah ra'ayat ini akan di-atasi lebeh chepat sedikit daripada keadaan yang ada?

Perdana Menteri: Saya tidak tahu sama ada Ahli Yang Berhormat faham, atau tidak tujuan Dasar Ekonomi Baharu kita dan juga Ranchangan Malaysia Yang Kedua yang telah kita binchangkan dengan panjang lebar di-Dewan ini. Dengan sebab ada sungutan² yang di-katakan itu dan dengan sebab keadaan ra'ayat di-luar bandar khas-nya dhaif dan miskin yang mustahak di-perbaiki, Kerajaan telah mengadakan ranchangan² yang tersebut dan ranchangan² itu sedang di-jalankan dengan sa-berapa pesat yang kita dapat jayakan.

Dr Tan Chee Khoon: Ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar walau pun kita telah mencapai kemerdekaan semenjak tahun 1957 dan walau pun Kerajaan telah mengadakan beberapa ranchangan untuk meninggikan taraf kehidupan ra'ayat khas-nya ra'ayat di-luar bandar, tetapi ra'ayat di-luar bandar maseh kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dudok di-bandar barangkali dia ta' tahu keadaan di-luar bandar. Saya sendiri bersetuju bahawa kemajuan dan perubahan belum-lah dinikmati oleh semua pehak, tetapi semenjak kita mencapai kemerdekaan perubahan² yang besar telah terchapai dan sa-bahagian daripada penduduk² luar bandar telah dapat menikmati faedah² daripada kemajuan ini dan saya harap pehak² yang lain ta' lama lagi akan dapat menikmati perubahan² daripada kemajuan negara kita.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, walau pun saya dudok di-bandar, tetapi saya selalu melawat di-kampong masing² di-luar bandar di-tanah ayer kita. Ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar ra'ayat di-luar bandar khas-nya penoreh² getah sekarang, oleh sebab

harga getah telah turun dan harga benda² yang di-kehendaki oleh ra'ayat di-luar bandar telah naik, mereka susah hendak menchari kehidupan sa-hari²?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab perkara² ini-lah yang harga getah turun, Kerajaan telah mengambil langkah² yang tertentu dan lima Rang Undang² yang akan di-kemukakan di-Dewan ini untuk mengatasi masaalah pasaran getah ini.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu tahu sa-telah 15 tahun kita mencapai kemerdekaan, tetapi ada lagi ra'ayat di-luar bandar, di-kampung² di-luar bandar terutama-nya bumiputra tidak pernah merasai kebahagiaan—di-dalam kemerdekaan itu kerana di-kampung-nya tidak ada jalan tambak merah, tidak ada paip ayer dan tidak ada masuk api letrik. Di-kampung di-tepi Sungai Perak sana di-kawasan saya api letrik lalu di-atas kampung-nya, tetapi dia menengok sahaja, dia ta' masuk dan ada kampung di-tepi Sungai Perak saya pergi melawat dengan Pegawai Daerah bersama² dengan Jurutera Taliayer, mereka tidak dapat minum ayer, hanya menunggu ayer daripada ilham Tuhan menurunkan hujan di-pokok nipah dan mereka tidak ada mempunyai kelinik di-tempat-nya dan tidak ada mempunyai taman kanak² sa-bagaimana juga di-Kampung² Baharu di-satengah² tempat. Oleh yang demikian, ada-kah Perdana Menteri mahu memberi faedah² itu kepada ra'ayat, kerana dahulu Ranchangan Malaysia Yang Pertama sa-gelintir manusia sahaja menerima nikmat-nya, sekarang Ranchangan Malaysia Yang Kedua ada-kah juga mereka itu kechewa?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara ini kalau hendak di-bincangkan panjang, berbalek². Ahli Yang Berhormat sendiri saya ingat tentu ta' melawat kawasan-nya sendiri, sebab ada jalan besar di-tepi Sungai Perak yang telah kita buat semenjak menchari kemerdekaan dan berbagai² ranchangan lain saperti masjid, surau, balairaya, bekalan² ayer dan letrik barangkali tidak sampai ka-semua kampung, tetapi sa-tengah² kampung ada di-dapati saperti saya kata tadi kita harap tempat² yang lain akan dapat menekmati kemudahan² itu.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan. Boleh-kah kita bertanya kepada Perdana Menteri oleh sebab sejak merdeka tahun 1957 sampai sekarang lebeh ramai ra'ayat di-luar bandar sa-kurang²-nya 95% ra'ayat di-luar bandar dalam masa sekarang mengalami penderitaan dan kesusahan yang terok sa-kali. Pendapatan mereka ia-lah di-antara \$50 sa-bulan atau \$80 sa-bulan sunggoh pun Kerajaan telah membuka beribu² ekar tanah di-luar bandar. Jikalau demikian, Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Kerajaan menimbangkan dengan keyakinan satu shor yang saya hendak buat sekarang ia-itu Kerajaan membentok satu All Party Commission of Enquiry yang boleh mengkaji soal² ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Jawatan-kuasa itu ta' berfaedah dengan sebab Kerajaan boleh bertanggung-jawab penoh pada hari ini dan kalau di-adakan pun Jawatan-kuasa itu Ahli Yang Berhormat tentu ta' masuk sebab dia ta' ada parti (*Ketawa*).

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ra'ayat di-luar bandar sekarang termasuk ra'ayat di-dalam bandar mengalami kesusahan, boleh-kah Kerajaan terima jikalau kita buat satu kenyataan bahawa ranchangan² dan strateji² development yang sekarang telah di-buat oleh Kerajaan barangkali kurang sesuai mengenai masaalah² yang di-hadapi oleh negara kita dan jikalau begitu mesti-lah satu kajian strateji yang baharu mesti di-ambil oleh Kerajaan. Boleh-kah Perdana Menteri terima shor yang saya telah buat tadi?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ta' dapat terima, kerana Kerajaan yakin bahawa ranchangan dan juga strateji yang di-jalankan oleh Kerajaan ini ada-lah sesuai dan akan mendatangkan hasil yang di-kehendaki. (*Tepok*).

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan telah berpuas hati dengan sambutan yang di-beri khas-nya yang penduduk² di-luar bandar itu ranchangan yang di-lancharkan oleh Kerajaan atau pun Kerajaan sedar bahawa ra'ayat di-luar bandar telah berubah sikap-nya pada memberikan sambutan ranchangan itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berkehendakkan ra'ayat di-luar

bandar itu mengubah sikap-nya dengan lebih luas lagi. Sebab itu kita adakan gerakan pembaharuan untuk hendak mengubah sikap ra'ayat supaya dengan itu mereka akan dapat mengambil bahagian dengan lebih sempurna lagi dalam ranchangan² pembangunan Kerajaan.

Tuan Thomas Selvaraj Gabriel: Soalan tambahan. Kerajaan pada masa sekarang selalu mengadakan projek gotong-royong di-kawasan luar bandar, tetapi lepas mengadakan gotong-royong tidak ada apa² keputusan atau follow-up untuk menchari jalan menolong penduduk² dalam kawasan yang kita adakan gotong-royong. Saya ingin mengeshorkan supaya patut Kerajaan berchadang tiap² tempat yang kita mengadakan ranchangan gotong-royong ia-itu mestilah a follow-up to study the basic requirements bagi orang² dalam kawasan tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu dengan sebab itu kita sekarang berchadang hendak memperkuat lagi kedudukan Jawatan-kuasa Kemajuan Kampong dan juga di-tiap² jajahan sekarang di-tugaskan sa-orang Pegawai Khas, sa-orang Penolong Pegawai Jajahan untuk menjalankan usaha² pembangunan masharakat. Dengan perubahan² ini saya harap kita akan dapat mengadakan follow-up seperti mana yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, minta izin.

Tuan Yang di-Pertua: Ta' boleh!

Tuan Goh Hock Guan: Terima kaseh. Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jikalau ra'ayat di-luar bandar mendapat tiap² bulan \$50 atau \$80 sa-bulan, hakikat ini boleh-lah di-anggap atau tidak satu contoh yang boleh di-katakan ra'ayat di-luar bandar sekarang mengalami penderitaan yang terok sa-kali.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soalan, ini ucapan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan soalan, ta' payah di-jawab.

Tuan Goh Hock Guan: Itu-lah, oleh sebab Bahasa Kebangsaan saya belum sempurna.

Tuan Yang di-Pertua: Beri orang lain bertanya dahulu. Dudok dahulu!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana sa-hingga ini sa-telah Ranchangan Malaysia Pertama di-jalankan, nampak-nya ra'ayat di-daerah² di-luar bandar maseh kurang begitu mengambil bahagian sama dalam menjalankan ranchangan yang tersebut untuk diri mereka sendiri dan untuk negara, maka ada-kah Kerajaan berchadang hendak menubuhkan satu pasokan yang di-namakan Pasokan Penyebar bagi meng-gembelikan tenaga dan fikiran ra'ayat di-kampong² supaya mengubah tradisi atau pun keadaan mereka dan pekerjaan mereka.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, itu-lah tujuan Kerajaan mengadakan Gerakan Pembaharuan ini dan saya harap pasokan² itu ia-lah pegawai² Kerajaan yang berkenaan daripada berbagai² pejabat yang telah di-beri tugas untuk menjalankan ranchangan bagi pembangunan masharakat.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Perdana Menteri, bahawa jikalau ra'ayat di-luar bandar hanya mendapat tiap² bulan \$50—\$80, ada-kah itu satu hakikat yang boleh di-katakan penderitaan ra'ayat di-luar bandar atau tidak?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini saya fikir ta' ada kena-mengena dengan soalan ini. Ini soalan lain. Kalau hendak buat soalan sa-macam itu, boleh buat, saya boleh terangkan.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta keterangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh sebab di-luar bandar ada sa-bahagian penduduk² yang tinggal di-estet² yang telah menukar progreman ranchangan-nya, dahulu di-tanam dengan getah, tetapi sekarang sudah di-tukar dengan tanaman kelapa sawit, dan lagi oleh sebab harga getah sangat terok, dan lagi ada satu report berkenaan dengan Socio Economic Survey yang menyatakan bahawa 10% atau 12% orang² India di-estet² tidak ada pekerjaan. Di-sini saya minta Perdana Menteri menyatakan

apa-kah langkah² Kerajaan bagi mengatasi problem ini untuk memberi faedah kepada orang² India di-luar bandar itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, keadaan mereka ini yang barangkali tidak ada pekerjaan ada-lah dalam pandangan Kerajaan. Mereka itu boleh-lah meminta apa² jua pekerjaan yang kosong di-mana² tempat.

Tuan Valentine Cotter: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di-sini saya suka hendak merayu sedikit sa-banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Ta' boleh, tanya saja!

Tuan Valentine Cotter: Saya bertanya oleh kerana orang² yang tinggal di-luar bandar khas-nya di-Sarawak, di-kawasan sempadan Indonesia, mereka itu sangat susah kerana mereka itu jauh dari bandar dan mereka selalu kena rompak atas harta benda dan barang² di-rumah mereka dengan ta' di-ketahui oleh sa-siapa pun. Apa-kah pertolongan yang di-beri oleh pihak Kerajaan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita faham kedudukan ra'ayat di-sempadan antara Sarawak dengan Indonesia dalam keadaan kesusahan oleh sebab pengganas² komunis ada di-situ dan saperti yang saya telah terangkan beberapa hari dahulu di-Dewan ini bahawa ranchangan² sedang di-jalankan untuk hendak mengumpulkan, atau menempatkan sa-mula sa-bahagian daripada mereka itu supaya mereka itu dapat mempunyai tempat² kediaman yang lebeh sempurna dan lebeh selamat lagi dan bagi mereka yang dudok di-rumah² panjang sekarang usaha sedang di-jalankan, ia-itu bagi menempatkan mereka itu di-tempat² yang tertentu, di-kumpulkan dan di-beri jagaan oleh pihak tentera dan polis dan di-adakan juga pasokan² kawalan untuk menjaga keselamatan mereka.

PERHUBONGAN DIPLOMATIK DENGAN CHINA—PERTIMBANGAN

3. **Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Luar Negeri sama ada benar bahawa beliau pernah mengatakan bahawa Malaysia tidak akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Republik Ra'ayat China sehingga perkecualian Asia Tenggara di-

jamin oleh Kuasa² Besar, dan jika ya, sama ada ini berma'ana kita terpaksa menunggu sa-lama tiga tahun untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan-nya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang telah saya terangkan di-dalam Dewan ini pada persidangan yang lepas, berikutan daripada persaf'ahaman yang di-chapai di-Meshuarat Menteri² Luar Negara² ASEAN di-Kuala Lumpur dalam bulan November yang lalu, perhubungan diplomatik dengan negeri China akan di-pertimbangkan dalam kontek chadangan pengecualian. Ada-lah di-persetujui juga bahawa Negara² ASEAN akan mema'alumkan sa-sama sendiri apa² juga perhubungan rasmi yang telah atau yang akan di-buat dengan negeri China.

Ta' dapat tiada memandang kepada hakikat itu, perkembangan² baru dalam hal ini akan di-kaji dari masa ka-masa.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Perdana Menteri sedar jika kita hendak menchapai matlamat perkecualian Asia Tenggara sa-belum kita mengadakan perhubungan diplomatik dengan Republik Ra'ayat China, maka berapa lama kita hendak menunggu sa-belum kita mengadakan perhubungan diplomatik dengan Republik Ra'ayat China?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sebab saya katakan perkara ini kita terpaksa kaji dari sa-masa ka-samasa, akan tetapi persetujuan yang penting yang telah di-chapai ia-lah soal perhubungan diplomatik dengan Komunis China mesti-lah di-adakan melalui regional approach ia-itu Negara² ASEAN bersetuju hendak mengadakan kerjasama dalam menghadapi masaalah ini.

Dr Tan Chee Khoon: Saya mohon bertanya dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Ta' boleh.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Perdana Menteri sedar ia-itu ada negara² jiran kita umpama-nya Philipina dan Indonesia yang begitu banyak di-bantu oleh Amerika Sharikat dan dengan sebab itu mereka tidak

bagitu hendak chepat mengadakan perhubungan diplomatik dengan Republik Ra'ayat China, kita sa-bagai sa-buah negara yang tidak di-bantu oleh Amerika Sharikat, perlu mengambil inisiatif untuk menchapai perhubungan diplomatik dengan Republik Ra'ayat China.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya faham semua atas hal ini dan kita sentiasa mengambil inisiatif di-atas hal ini, tetapi mustahak bagi ketenteraman dan keselamatan bagi Tenggara Asia ini dan bagi keselamatan kita sendiri yang kita sentiasa mengadakan perhubungan rapat dengan negara² jiran terutama sa-kali negara² ASEAN. Dengan sebab itu, kita telah bersetuju ia-itu dalam hal ini mesti-lah kita mengadakan kerjasama dan berhubung rapat dengan negara² ASEAN.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menimbangkan bahawa kerana dalam tempoh 18 bulan yang lalu, Kerajaan Republik Ra'ayat China telah menunjukkan perasaan persaudaraan dan muhibbah kapada negara kita Malaysia. Pertama-nya sa-waktu berlaku banjir kebangsaan sa-tahun dahulu, Red Cross China ada mendermakan benda² untuk membantu mangsa² banjir di-negara kita.

Yang kedua, kita dapat jemputan untuk permainan ping-pong bagi menyertai Perlawanan Afro-Asia Ping-Pong kerana perasaan muhibbah.

Yang ketiga, perwakilan ping-pong daripada negara China akan datang bermain di-negara kita akhir tahun ini.

Yang keempat, kerana jemputan yang telah di-terima daripada PERNAS dan pedagang² Malaysia pergi melawat China, pergi melawat pamiran² atau pertunjukan² perdagangan.

Yang kelima, kerana radio Peking telah berhentikan siaran radio-nya yang bermusohan dengan Malaysia.

Yang keenam, kerana People's Republic of China menyokong pendirian Malaysia atas perkara Selat Melaka.

Yang ketujuh, People's Republic of China ada perasaan muhibbah dan perasaan persahabatan dengan Malaysia. Boleh-kah Kerajaan kita ambil daya-usaha untuk memulakan perundingan untuk mengadakan

hubungan diplomatik dengan Peking, atau membangkitkan perkara ini kapada Sidang Menteri² Luar bagi Negara² ASEAN untuk memulakan perundingan dengan People's Republic of China untuk mengadakan hubungan diplomatik antara negara China dengan negara² di-Asia Tenggara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Malaysia-lah yang mula² menunjukkan persahabatan dengan Kominis China, sebab kita memberi sokongan yang kuat kapada People's Republic of China bagi memasoki Badan Bangsa² Bersatu (United Nations) dan kita telah menunjukkan pendirian yang tegas terhadap Kerajaan People's Republic of China dengan mengakui bahawa People's Republic of China ada-lah Kerajaan yang sah bagi negara China. Dengan sebab langkah² persahabatan kita itu maka kita dapati pehak China telah menunjukkan yang mereka itu suka hendak mengadakan hubungan yang tidak rasmi yang mana kita telah jalankan dengan menghantar Trade Mission dengan sa-chara tidak rasmi dan bagitu juga menghantar Pasokan Ping-Pong dan sa-bagai-nya.

Akan tetapi, ada lagi masaalah² saperti Radio Revolusi yang maseh lagi menjalankan propaganda terhadap Kerajaan ini dan terhadap ra'ayat Malaysia dan bagitu juga di-negeri China maseh ada lagi Malaysian Liberation Front. Jadi ini-lah masaalah² yang penting yang mesti di-binchangkan dan di-atasi sa-belum dapat di-adakan diplomatic relations, dan saperti telah saya terangkan tadi perkara ini telah pun di-rundingkan dalam meshuarat Menteri² Luar Negeri ASEAN dan sa-hingga hari ini persetujuan-nya ia-lah perkara ini hendak-lah di-timbangkan in the context of neutralisation.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Dalam kenyataan Perdana Menteri menerangkan bahawa menubuhkan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan People's Republic of China atau dengan negara² di-Asia Tenggara akan bergantung atas kejayaan Konsep Perkechualian Asia Tenggara. Sedar-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Konsep Perkechualian Asia Tenggara sudah mengalami dua pukulan (set-back): yang pertama ia-lah kenyataan, atau pengumuman oleh Kerajaan Tentera Thailand oleh Pemimpin Nombor Dua bahawa Perkechualian Asia

Tenggara tidak sesuai kepada Thailand sunggoh pun sesuai kepada negara² lain di-Asia Tenggara; yang kedua kerana walk-out oleh Malaysia daripada Guyana Non-aligned Nations Conference, yang tidak akan menambah harapan bahawa Konsep Perkecualian akan di-chapai. Dengan sebab itu ada-lah sangat susah jikalau penubuhan hubungan diplomatik dengan Peking akan bergantung Konsep Perkecualian. Bukan-kah lebih baik perkara itu tidak berkaitan dengan Konsep Perkecualian Asia Tenggara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi ia-itu perkara ini kita akan timbangkan dari satu masa ka-satu masa. Sa-hingga hari ini ia-lah persefahaman kita ia-itu masalah diplomatic relations dengan negeri China ini kena-lah di-timbangkan dalam context of neutralisation, sebab kita telah bersetuju dengan Kuala Lumpur Declaration hendak menjadikan Tenggara Asia ini kawasan bebas, kawasan yang berkecuali. Dengan persetujuan itu, kita akan mengambil langkah untuk hendak mendapat persetujuan berkenaan dengan Konsep Neutralisation. Konsep neutralisation tidak-lah kena-mengena dengan Non-aligned Conference.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Perdana Menteri sedar bahawa sa-buah negara yang tidak ada hubungan diplomatik dengan Republik China, Presiden-nya telah melawat Peking ia-itu Presiden Nixon. Dan sa-lain daripada itu ada sa-buah negara yang juga tidak mengadakan hubungan diplomatik dengan Republik China, Perdana Menteri-nya juga akan melawat Peking ia-itu Enche Tanaka, Perdana Menteri Jepun. Oleh hal yang demikian, boleh-kah Perdana Menteri menimbangkan untuk melawat Peking bagi melicinkan perjalanan Perkecualian Asia Tenggara?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dalam soal hendak mengadakan diplomatic relations ini kita tidak usah-lah terburu², sebab kita sunggoh pun sa-bagai sa-buah negara kecil, tetapi kita ada dignity dan begitu juga negara China sa-buah negara yang besar dia pun ada dignity-nya, dia pun, saya fikir tahu kedudukan kita di-sini. Saya telah terangkan tadi ia-itu dalam masalah mengadakan

diplomatic relations dengan China ini, kita kena-lah mendapat persefahaman negara² ASEAN. Itu ada-lah perkara yang penting pada hari ini dan ini-lah keadaan pada masa sekarang ini. Saya fikir, saya tidak dapat hendak jawab lagi apa² hal ini. Ini sudah cukup terang dan cukup jelas.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan kerana pengumuman oleh Thailand bahawa mereka tidak bersetuju bahawa Perkecualian Asia Tenggara sesuai kepada Thailand, sunggoh pun mereka satu parti, satu pehak kepada Deklarasi Kuala Lumpur. Ada-kah Kerajaan berhubung dengan Kerajaan Thailand dan mendapat keterangan berkenaan dengan hubungan diplomatik dengan Peking?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada kena-mengena dengan soalan ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan jika sa-umpama-nya Thailand tidak bersetuju hubungan diplomatik dengan Republik China di-adakan dan jika jiran² kita juga tidak menyokong mengadakan hubungan diplomatik dengan Peking, maka kami juga tidak mahu mengadakan hubungan diplomatik dengan Republik China.

Perdana Menteri: Ini satu hypothetical question yang saya tidak boleh jawab.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi tahu sikap Malaysia berkenaan perhubungan Malaysia dengan Republik China ia-lah mesti bergantung kepada sikap negara² ASEAN dan pada pandangan saya itu ada-lah satu langkah yang baik dan juga sesuai dan dengan itu boleh-kah Perdana Menteri memberi tahu kita bahawa pandangan² atau sikap² antara negara² yang masuk ASEAN seperti Philipina, Singapura dan Indonesia, sikap mereka berkenaan dengan perhubungan diplomatik antara negeri² mereka dan negara Republik China.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi berkenaan dengan perkara ini dan kita akan mengadakan

perhubungan dari satu masa ka-satu masa berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Macham mana lagi hendak di-perah, hendak di-keluarkan semua-nya sudah habis soal²-nya, tidak dapat di-perah lagi, macham mana lagi hendak di-tanya—kalau berbalek², saya tidak izinkan.

Tuan Goh Hock Guan: Satu point yang baharu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Chuba!

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah saya bertanya kepada Perdana Menteri, oleh sebab Malaysia ia-lah sa-buah negeri yang kechil sa-kali dan negeri Republik Ra'ayat China boleh di-katakan sa-bagai satu super power di-Asia dan pada masa akan datang pengaruh Republik Ra'ayat China ia-lah makin bertambah kuat lagi dan dengan demikian itu bukan-kah advantage negara kita, jikalau Malaysia mengambil inisiatif ini mengakui China terlebih dahulu?

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan, itu agak², chuma berfikir sahaja, tidak payah!

MONOPOLI DI-AKHBAR²

4. Tuan Lim Kit Siang bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) sama ada Kerajaan sedar akan tidak baik-nya monopoli² akhbar di-mana² masharakat atau negara; dan
- (ii) apa-kah langkah² yang sedang di-ambil oleh Kerajaan untuk memecahkan monopoli *Straits Times* terhadap sebaran akhbar bahasa Inggeris, yang membenarkan putar-belit ma'alumat untuk di-salurkan kepada pembacha² akhbar bahasa Inggeris dalam Malaysia.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua,

(i) sa-tahu saya Kerajaan dan ekonomi negara tidak menggalakkan ujud-nya keadaan monopoli di-lapangan surat² perkhabaran. Ujud-nya *Straits Times* dan *Malay Mail* sa-bagai surat akhbar Inggeris yang mempunyai pengaruh besar di-dalam negara ini ia-lah kerana pehak² lain tidak tampil kehadapan untuk membuka dan menjalankan perchetakan surat² akhbar² Inggeris yang lain.

(ii) Di-dalam negara yang mempunyai chorak ekonomi yang berdasarkan kapada prinsip Free Enterprise tidak-lah apa² langkah yang boleh di-ambil oleh Kerajaan terhadap perkara ini. Hanya terpulang-lah kapada pehak² swasta tampil ka-hadapan meujudkan dan menjalankan satu perusahaan surat akhbar Inggeris yang lain untuk memberi pertandingan kapada akhbar *Straits Times*.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa dalam satu keadaan di-mana satu akhbar, satu aliran bahasa saperti *Straits Times* aliran bahasa Inggeris, ada satu Keadaan monopoli, mereka boleh memadamkan berita² yang sa-patut-nya dari pehak Pembangkang. Pehak D.A.P. kita tahu bahawa *Straits Times* selalu memadamkan berita kita untuk mengeluarkan satu imej kapada yang bukan benar. Satu contoh ia-lah bahawa dalam pilihanraya kechil di-Ulu Selangor bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat satu tuduhan yang sangat serious bahawa D.A.P. tidak ta'at setia kapada Malaysia, dan akhbar itu menaruh di-muka hadapan, huruf besar—headlines, dan bila kita buat satu jawapan, saya membuat satu jawapan, satu keterangan dan satu chabaran kapada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, satu perkataan pun tidak di-keluarkan—bukan-kah itu satu keadaan yang tidak patut boleh di-biarkan berterusan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu hendakkan kita champor hal dalam akhbar² dan Yang Berhormat ini selalu menuduhkan kami menekankan akhbar, sekarang dia pula hendak menyuruh Kerajaan menekankan akhbar.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri sangat pandai berpura² bahawa Kerajaan tidak champor tangan dalam administration *Straits Times*. Kita tahu hari² ada talipon sampai ka-*Straits Times* mengarahkan supaya berita itu di-padamkan, atau bagi chance keluar, tetapi kita tahu yang sa-benar-nya barangkali Kementerian Penerangan (Ministry of Information) akan menubuhkan satu Jabatan baharu

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, apa-kah soalan-nya?

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun hendak menunggu apa soalan-nya ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan-nya ia-lah kerana semua orang tahu bahawa hari² Kerajaan ada champor tangan dalam surat khabar *Straits Times* untuk memadamkan berita² Parti Pembangkang barangkali, adakah mungkin Kerajaan timbangan bahawa Kementerian Penerangan, ada satu Jabatan baharu bukan sahaja menjaga talivishen, radio, Information Services, Bernama, lagi satu new department—jaga *Straits Times*.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Itu bukan soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Chee Khoo: Ada-kah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar oleh sebab ada pelesenan tahunan akhbar² atau di-dalam bahasa Inggeris annual licensing of newspapers, oleh sebab itu maka pihak swasta tidak berani untuk menubuhkan sa-buah akhbar lain untuk bertanding dengan akhbar *Straits Times* dan *Malay Mail*. Oleh sebab itu, boleh-kah Kerajaan atau Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menimbangkan untuk mengubahkan pelesenan tahunan akhbar²?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu ada-lah soalan lain. Tetapi pada hari ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedia sahaja mengeluarkan lesen² kepada mana² sahaja pihak yang hendak mengeluarkan akhbar, syarat-nya mengikut undang²—itu sahaja.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah sedar PERNAS ada meminta saham dengan sharikat *Straits Times*, sharikat *Straits Times* telah berjanji hendak memberi

47% tetapi PERNAS hendak meminta 50% lebih. Kita dengar Kementerian Penerangan ada champor tangan dalam perkara ini, ada memaksa sharikat *Straits Times*.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan-nya?

Tuan V. David: Soalan ini, ada-kah Kerajaan tahu perkara ini atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan pun lain, perkara pun lain, semua lain (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tahu-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa bukan sahaja Parti Pembangkang tidak puas hati dengan *Straits Times*, wakil Al-Fatah pun tidak puas hati.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka bertanya, ini masa bertanya soal tambahan. Kalau tidak ada tambahan, hendak mengeluarkan fikiran sahaja, di-tanggohkan pada masa lain.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi ini bukan fikiran, ini betul.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa soalan-nya?

Tuan Lim Kit Siang: Soalan-nya bukan sahaja Parti Pembangkang tidak berpuas hati dengan *Straits Times* tetapi ada lain pihak seperti wakil Al-Fatah dalam satu rapat umum di-Pulau Pinang ada berkata tidak puas hati dengan sikap *Straits Times*.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi apa soalan-nya? (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Bahawa *Straits Times* tidak menjalankan dasar² yang patut dan adil.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan, tarek balek, sabar dahulu!

SIJIL KERA'AYATAN DI-BAWAH PERKARA 30

5. Tuan Chan Fu King minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) jumlah sijil kera'ayatan di-bawah Perkara 30 yang telah di-semak dan beri keputusan-nya;
- (ii) jumlah sijil kera'ayatan di-bawah Perkara 30 yang belum lagi di-semak; dan

- (iii) sama ada Kerajaan akan memanjangkan tarikh tutup penyemakan sijil² ini sa-lama 12 bulan lagi.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) jumlah sijil kera'ayatan di-bawah Perkara 30 yang telah di-semak sa-hingga 31hb Julai, 1972 ia-lah 130,049. Keputusan penyemakan itu ada-lah seperti berikut:

(a) 114,821 sijil di-dapati terator; dan

(b) 15,228 di-dapati tidak terator.

- (ii) bilangan sijil kera'ayatan di-bawah Perkara 30 yang belum di-semak sa-hingga 31hb Julai, 1972 berjumlah 1,249. Baki sijil di-bawah Perkara 30 yang belum di-kemukakan untuk di-semak sa-hingga tarikh yang sama berjumlah 137,458.

- (iii) pada 22-3-72 Kerajaan telah mengumumkan bahawa tarikh penyerahan sijil² di-bawah Perkara 30 untuk di-semak akan di-panjangkan sa-lama 6 bulan lagi mulai daripada 1-4-72. Ini berma'ana bahawa sa-lepas daripada 30-9-72 kemudahan² untuk memberi keutamaan kepada penyemakan sijil² di-bawah Perkara 30 tidak akan di-dapati lagi, dengan sebab sa-bilangan besar daripada kakitangan² yang menyelenggarakan perkara ini di-Jabatan Pendaftaran Negara akan di-kurangkan mulai daripada tarikh itu. Pemegang² sijil yang berkenaan telah di-beri chukop masa semenjak bulan Ogos, 1970 bagi menyerahkan sijil² mereka untuk di-semak. Oleh itu bagi kepentingan mereka sendiri maka adalah mustahak bagi mereka menyerahkan sijil² sa-belum 30-9-1972. Jika tidak mereka itu akan menghadapi kesulitan apabila mereka hendak menggunakan-nya untuk urusan rasmi pada kemudian hari kelak.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar, oleh sebab begitu ramai orang yang ada sijil kewarganegaraan di-bawah Perkara 30 dan juga ada di-antara mereka yang tidak sedar yang mereka perlu atau terpaksa menyerahkan sijil itu kepada Jabatan Pendaftaran untuk

di-semak, maka perlu Kerajaan melanjutkan atau memanjangkan tempoh itu enam bulan lagi ia-itu daripada 30hb September, 1972?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian telah pun menggunakan segala siberan 'am untuk memberitahu sa-luas²-nya kepada warganegara² kita, untuk sa-siapa yang ada sijil kera'ayatan di-bawah Perkara 30, menyerahkan untuk di-semak dan ini sa-bagaimana yang saya jawab tadi, mulai daripada tahun 1970 lagi, Tuan Yang di-Pertua. Sa-bagaimana jawapan saya tadi, maka tempoh ini tidak akan di-lanjutkan lagi.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, sa-sudah di-semak dan di-dapati salah kera'ayatan-nya, apa-kah tindakan Kerajaan ambil terhadap orang² itu?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya sijil itu di-dapati tidak terator, maka di-nasehatkan kepada mereka² itu supaya memohon kera'ayatan di-bawah fasal² yang tertentu.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Kementerian ini sedar, ia-itu dalam masaalah perlaksanaan kerja² menyemak sa-hingga beratus² ribu belum selesai lagi, apa-kah langkah² yang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ambil supaya penyemakan ini dapat di-segerakan dan kalau boleh dapat menambahkan lagi pegawai² yang berkenaan?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat itu tidak berapa dengar jawapan saya. Yang 137,458 ia-lah orang yang tidak menyerahkan sijil² itu lagi. Yang sudah pun menyerahkan, itu memang sudah di-selesaikan, kechuali ada sedikit sahaja lagi yang belum di-selesaikan, tetapi bilangan yang di-sebutkan sa-banyak 137,458 itu ia-lah sijil² yang tidak di-serahkan kepada Pejabat Pendaftaran untuk di-semak.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun mendapat tahu, ia-itu angka² sa-banyak 137,458 ia-itu sijil² yang berkenaan dengan Perkara 30 ini belum dapat di-serahkan oleh

keseluruhan ra'ayat yang bersangkutan, apakah tindakan² yang serious, yang tegas, yang telah di-ambil oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di-atas masaalah ini?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian ini telah pun memberitahu kepada orang awam supaya menyerahkan sijil² kera'ayatan mereka. Itu sahaja yang Kementerian ini buat pada masa ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masaalah Perkara 30 ini ada-lah masaalah yang menjadi salah faham daripada mula lagi sa-hingga sekarang dan beberapa tempoh telah diberikan oleh pihak Kerajaan untuk menyemak pendaftaran di-bawah Perkara 30. Oleh kerana Kerajaan kita ini memang baik dalam masaalah ini, maka ada-kah Kerajaan berchadang hendak memanjangkan lagi sa-hingga sampai dua tahun bagi membolehkan semua sijil kera'ayatan ini di-semak sa-mula, dengan sebab banyak lagi yang tidak di-semak dan tidak di-serahkan, dan Kerajaan kita pun baik; nampaknya ada-kah hendak di-buat bagitu?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Perkara ini sudah pun di-jawab, ia-itu kita tidak akan lanjutkan lagi tempoh ini dan kita memang tahu yang mana belum menyerahkan sijil kera'ayatan itu, kita dapat tahu sama ada sijil² itu terator atau pun tidak. Kalau didapati tidak terator, maka Pejabat Pendaftaran akan menasehatkan kepada tuan empunya supaya membuat permohonan di-bawah Artikel² atau pun Fasal² yang tertentu.

Dr Tan Chee Khoo: Tadi Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan 137,458 yang ada sijil kera'ayatan di-bawah Perkara 30 belum menyerahkan sijil tersebut kepada Jabatan Pendaftaran dan beliau juga menyatakan Kerajaan telah menggunakan siberan 'am; radio dan talivishen untuk menasehatkan pemegang² sijil itu menyerahkan sijil itu kepada Jabatan Pendaftaran. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar, itu menunjukkan barangkali apa yang di-buat oleh pihak Kerajaan tidak menchukopi dan tidak sampai kepada tiap² orang pemegang sijil kera'ayatan di-bawah Perkara 30. Oleh sebab itu boleh-kah beliau menimbangkan sa-mula lagi untuk melanjutkan tempoh-nya ka-tahun hadapan?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, tempoh itu tidak di-lanjutkan lagi, tetapi sa-lain daripada siberan 'am semua penghulu², ketua² kampong dan Wakil² Ra'ayat telah di-minta bekerjasama untuk mema'alomkan kepada orang ramai: sa-siapa yang ada sijil di-bawah Artikel 30 itu di-minta untuk menyerahkan kepada Pejabat Pendaftaran bagi di-semak.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Soalan tambahan. Apakala sampai-nya pada 30hb September, 1972 ini maka maseh ada baki lagi sijil² yang di-bawah Perkara 30 ini tidak di-serahkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atau pun kepada Kerajaan. Sa-sudah itu apa-kah sikap Kerajaan terhadap pemegang² sijil kera'ayatan di-bawah Perkara 30 ini. Apa-kah pihak Kerajaan maseh mengaku bahawa mereka itu menjadi ra'ayat di-dalam negeri ini, yang mempunyai sijil kera'ayatan, atau pun dipandangkan bahawa mereka itu sudah tidak lagi di-akuai menjadi warganegara, atau pun ra'ayat di-negara ini?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana saya telah menerangkan tadi, sijil² di-bawah Artikel 30 yang belum di-serahkan itu memang pihak Kementerian melalui Pejabat Pendaftaran mengetahui kedudukan sijil² yang belum di-serahkan itu sama ada terator atau pun tidak terator. Mana² yang tidak terator, maka orang² yang mempunyai sijil itu akan di-nasehatkan membuat permohonan baharu untuk menyesuaikan fasal² yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Ada-kah ini bererti yang jawapan itu bahawa sa-lepas tarikh bulan September (date-line), jikalau sa-saorang yang ada kera'ayatan di-bawah Perkara 30 tidak dapat apa² nasehat daripada Kerajaan, maka dia-lah sa-orang ra'ayat yang sah.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Saya tidak faham, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Chuba tanya sa-kali lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sa-lepas tarikh 30 September, Jabatan Pendaftaran akan memberi nasehat kepada orang² yang ada kera'ayatan di-bawah Perkara 30 yang tidak sah supaya mereka mesti memohon

kera'ayatan baharu sa-kali lagi. Saya minta keterangan lagi, jikalau sa-lepas tarikh itu barangkali dua bulan atau tiga bulan, sa-saorang yang ada kera'ayatan di-bawah Perkara 30 tidak dapat apa² surat dari Kerajaan. ada-kah berma'ana dia sa-orang warga-negara yang sah?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tidak mustahak-nya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukop. *(Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukop dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 6 hingga 41 ada-lah di-beri di-bawah ini)*

RINGGIT AMERIKA— PENGAPONGAN

6. Tuan Luhut Wan minta Menteri Kewangan menyatakan kesan² ekonomi, jika ada, akibat dari pengapongan ringgit Amerika ka-atas ekonomi Malaysia.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Ringgit Amerika tidak terapong sekarang ini, oleh itu bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat tersebut tidak berbangkit.

KILANG DI-SENAWANG INDUSTRIAL ESTATE—PEMBENAAN

7. Dr S. Seeveratnam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah dan butir² kilang² yang telah di-bena dan yang telah memulakan operasi di-Senawang Industrial Estate sejak 1hb Januari, 1971, dan jumlah pekerjaan² baru yang di-ujudkan oleh tiap² indastri itu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Semenjak 1hb Januari, 1971 lapen buah sharikat telah memulakan pengeluaran kilang masing² di-Kawasan Perusahaan Senawang. Empat daripada-nya yang memberi pekerjaan kepada 245 orang pekerja² menjalankan usaha pengilangan papan, sementara dua lagi yang memberi pekerjaan kepada 127 orang pekerja² berusaha dalam pengilangan barang² makanan dan yang dua lagi pula mengusahakan pengilangan papan lapis dan minyak kelapa sawit dengan memberi pekerjaan kepada 251 dan 21 orang pekerja², tiap² satu-nya.

LADANG² PERUSAHAAN— PEMBUKAAN

8. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apa-kah ranchangan² Kementerian beliau untuk mengadakan kawasan² perusahaan di-kawasan² luar bandar di-Sarawak dalam masa Ranchangan Malaysia Kedua.

Tuan Mohamed Khir Johari: Ingin saya ulangi bahawa di-bawah peratoran² sekarang telah di-persetujui bahawa pembukaan ladang² perusahaan akan di-selenggarakan oleh Kerajaan² Negeri. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan akan menasihati dan membantu Kerajaan² Negeri membuka ladang² perusahaan yang sesuai dan menggalakkan pelabor² supaya menimbangkan kawasan² ini untuk mendirikan projek² mereka. Walau bagaimana pun, Ahli Yang Berhormat mungkin ingin mengetahui bahawa pada masa ini di-Sarawak dua kawasan perusahaan di-Sungai Antu di-Sibu dan Bintawa di-Kuching sedang di-bina. Selain dari itu sebuah kawasan perusahaan sedang di-buka di-Pending, Kuching. Yang lain² sedang di-pertimbangkan di-kawasan² yang berikut:

Dalam Bahagian Pertama—di-Petanak
Dalam Bahagian Kedua—di-Simanggang
Dalam Bahagian Ketiga—di-Sibu dan Sarikei
Dalam Bahagian keempat—di-Piasau; dan
Dalam Bahagian Kelima—di-Limbang.

Sama ada kawasan² ini sesuai untuk ladang² perusahaan maseh belum di-pastikan dan saya yakin Kerajaan Negeri akan meng-hubongi Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan berkenaan perkara ini sa-belum ranchangan² di-tetapkan.

MINYAK PETROL—NILAI EKSEPOT

9. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan nilai eksepot segala jenis barang², sa-lain daripada minyak, dari Sarawak ka-Malaysia Barat dan lain² negara bagi tahun² 1963 hingga 1971.

Tuan Mohamed Khir Johari: Nilai eksepot kesemua jenis barang² sa-lain daripada

minyak petrol yang di-bawa masuk ka-Malaysia Barat dari Sarawak bagi tahun² 1963 hingga 1971 ada-lah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Nilai F.O.B. (\$)</i>
1963	6,633
1964	16,852
1965	226,000
1966	439,000
1967	468,000
1968	1,176,000
1969	800,000
1970	1,210,000
1971	2,240,000

Nilai ekseptot kesemua jenis barang², sa-lain daripada minyak petrol, dari Sarawak ka-negara² lain sa-lain daripada Malaysia Barat ada-lah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Nilai F.O.B. (\$)</i>
1963	173,648,680
1964	196,775,816
1965	234,087,000
1966	237,670,000
1967	255,009,000
1968	312,099,000
1969	348,350,000
1970	353,990,000
1971	321,280,000

Butir² lanjut berkenaan dengan ekseptot dari Sarawak ka-Malaysia Barat boleh di-dapati daripada buku "Perangkaan Perdagangan luar" Sarawak yang di-terbitkan oleh Jabatan Perangkaan Sarawak.

PELABOHAN DI-TANJONG KLING MELAKA

10. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Perhubungan menyatakan ada-kah Kerajaan Pusat bersungguh² hendak mengadakan sa-buah pelabohan di-Tanjong Kling, Melaka dan jika benar, bila dan berapa pula perbelanjaan pembenaan-nya dan jika tidak, ada-kah chadangan-nya sekarang hendak membuat jeti pula.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Kerajaan Pusat tidak

berchadang hendak mengadakan sa-buah pelabohan besar di-Tanjong Kling, Melaka. Apa yang Kerajaan akan melaksanakan ia-lah sabuah jeti dan kemudahan² yang berkaitan untuk dapat di-gunakan oleh kapal² dagangan antara dua buah negara jiran, ia-itu Indonesia/Malaysia dan juga bagi kegunaan² perdagangan pantai (coastal trade). Ada-lah tidak menjadi ekonomi mengadakan pelabohan lautan di-dalam jarak yang begitu dekat kerana telah ada Pelabohan Kelang yang jauh chuma-nya 80 batu dan di-Selatan pula sekarang Kerajaan sedang membena pelabohan Johor. Mengikut dasar perkapalan sekarang ini, kapal² besar tidak akan singgah di-serata pelabohan yang ada kerana ini ada-lah merugikan perkhidmatan mereka kerana kena menanggung kos yang lebeh.

Perbelanjaan pembenaan-nya belum dapat di-pastikan lagi tetapi di-anggarkan tidak akan melebihi \$3 juta.

STESHEN KERETAPI TAIPING— PEMINDAHAN

11. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau akan menimbang memindahkan steshen Keretapi Taiping ka-tempat lain bagi memudahkan perjalanan lalu lintas di-lintasan keretapi di-situ dan jika tidak, sama ada beliau akan menimbang untuk membena jambatan yang menyeberangi lintasan keretapi itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tidak. Kementerian ini tidak ada rancangan untuk memindahkan Steshen Keretapi Taiping ka-tempat lain. Langkah² keselamatan di-tempat itu perlu di-perketatkan dan dengan itu Pentadbiran Keretapi telah pun berbincang dengan Majlis Bandaran Taiping dan persetujuan pada dasar-nya telah terchapai supaya satu jambatan atas di-bena berhampiran dengan steshen tersebut. Sa-bagai membuktikan kerjasama yang erat Pentadbiran Keretapi sanggup melepaskan sa-bahagian daripada tanah-nya kepada Majlis Bandaran Taiping bagi membolehkan jambatan tersebut di-bena. Tindakan yang berpatutan sedang di-selenggarakan oleh Majlis Bandaran Taiping.

TOL TANJONG MALIM/ SLIM RIVER—KUTIPAN

12. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan mengapa maseh perlu mengutip tol di-Jalan Tanjong Malim/Slim River.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Kutipan tol terpaksa di-teruskan kerana perbelanjaan penyelenggaraan sentiasa di-kehendakki.

PENAL DOKTOR BAGI RANCHANGAN KESELAMATAN SOSIAL

13. Dr Chen Man Hin minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan nilaitara yang mesti di-perolehi oleh doktor² bagi membolehkan mereka berkhidmat di-dalam penal doktor bagi ranchangan keselamatan sosial untuk pekerja², dan sebab² menolak perkhidmatan² doktor² yang ingin bekerja atau mengambil bahagian sa-chara sukarela di-dalam ranchangan tersebut.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Kementerian saya tidak menolak perkhidmatan Doktor² yang ingin mengambil bahagian di-dalam Sistem Panel bagi Ranchangan Keselamatan Sosial. Apabila Sekim Insuran Benchana Pekerjaan di-lancharkan baru² ini tidak-lah mungkin bagi semua Doktor² yang telah membuat permohonan di-ambil dengan sekali gus di-atas sebab² pentadbiran. Walau bagaimanapun, tiap² Doktor yang telah membuat permohonan untuk mengambil bahagian, sekarang akan di-lantek sa-belum akhir bulan Ogos ini.

PEMILEKAN TANAH—KAJIAN MADA

14. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sama ada Kerajaan akan menghapuskan "tuan tanah tidor" di-dalam penanaman padi supaya penanam² padi di-Malaysia dapat memileki tanah yang mereka kerjakan bagi meninggikan taraf hidup mereka.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Satu kajian atau survey akan di-jalankan oleh MADA dengan bantuan Universiti berkenaan dengan pemilekan tanah, tuan yang empunya, luas tiap² holding, chara

di-majukan, jenis tanaman, banyak input yang di-pakai, hasil yang di-dapati dan sa-bagai-nya. Kajian ini akan memakan masa yang panjang dan akan di-mulakan sebelum penghujungan tahun ini. Apabila laporan kajian itu telah di-siapkan baharu-lah Kerajaan dapat menimbangkan sa-suatu ranchangan yang tertentu.

LADANG² PERTANIAN—BANCHIAN

15. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan jumlah, saperti yang terdapat pada 1hb Januari, 1972, ladang² yang besar-nya di-antara:

- (a) 2—3 ekar;
- (b) 3—4 ekar;
- (c) 4—5 ekar;
- (d) 5—7 ekar;
- (e) 8—14 $\frac{1}{2}$ ekar; dan
- (f) 15—99 $\frac{1}{2}$ ekar.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Mengikut penyata Banchi Pertanian 1960, bilangan ladang² bagi darjah besar-nya:

- (a) 2—2 $\frac{1}{2}$ ekar ia-lah 79,048
- (b) 3—3 $\frac{1}{2}$ ekar ia-lah 56,354
- (c) 4—4 $\frac{1}{2}$ ekar ia-lah 40,740
- (d) 5—9 $\frac{1}{2}$ ekar ia-lah 100,776
- (e) 10—14 $\frac{1}{2}$ ekar ia-lah 27,900
- (f) 15—99 $\frac{1}{2}$ ekar ia-lah 17,934

Ladang² yang luas-nya di-antara 5—7 ekar dan yang di-antara 8—14 $\frac{1}{2}$ tidak di-banchi pada tahun tersebut. Dari tahun 1961 hingga tahun 1971, 341,550 ekar tanah telah di-buka oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Sekira-nya tiap² peserta dalam ranchangan FELDA di-beri 8—10 ekar, bilangan ladang di-antara 8—14 $\frac{1}{2}$ ekar dapat di-tambah sa-banyak 34,155 ladang.

PEMINJAM² WANG—MENGELAKKAN

16. Dr Tan Chee Khoo bertanya kepada Menteri Pertanian dan Perikanan bahawa sunggoh pun terdapat usaha² yang di-jalankan oleh FAMA, Persatuan Peladang, Sharikat² Kerjasama, Bank Pertanian dan lain², penanam² padi di-negeri ini maseh lagi menjadi mangsa orang tengah dan peminjam² wang; jika ya, apa-kah langkah² yang telah di-ambil oleh beliau untuk meng-hapuskan exploitasi saperti ini.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Masaalah² orang tengah dan peminjam² wang dalam perindustrian pekebun² kechil ia-lah satu masaalah yang besar dan rumit. Usaha² yang di-jalankan untuk mengatasi masaalah ini oleh FAMA, persatuan peladang, sharikat kerjasama, Bank Pertanian dan lain² ajensi belum menchukopi bagi mengikis-nya sama sekali. Aktiviti² sa-umpama yang di-usahakan oleh persatuan² peladang dan sharikat² kerjasama hanya dapat meliputi 40% petani² itu di-Malaysia Barat pada masa ini.

Oleh yang demikian masaalah orang tengah dan peminjam² wang tidak dapat di-elakkan dengan segera (overnight). Kementerian saya sentiasa mengambil perhatian berat atas perkara ini dan untuk mengatasi-nya akan meluaskan lagi aktiviti² persatuan peladang dengan menambah ahli²-nya supaya semua pekebun² kechil mendapat faedah daripada gerakan²-nya seperti pemasaran dan kredit pertanian yang wajar dan adil pada masa akan datang.

LAPANGAN TERBANG BAYAN LEPAS—RUNWAY

17. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan bilakah chadangan untuk membesarkan "runway" di-Lapangan Terbang Bayan Lepas di-Pulau Pinang di-jangka akan siap.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: "Runway" yang baru akan di-siapkan pada akhir tahun 1975. Pada masa ini tindakan sedang di-ambil bagi memilh Jurutera Perunding untuk menjalankan kerja² mereka bentok lapangan terbang yang baru.

SUNGAI LUNDU—JALANRAYA BAU/ LUNDU—PEMBENAAN JAMBATAN

18. Tuan Joseph Valentine Cotter minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan sama ada Kerajaan berchadang hendak membena sa-buah jambatan di-Sungai Lundu menghubungkan jalan raya Bau/Lundu, jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Saya menjangka bahawa Ahli Yang Berhormat bertanyakan mengenai sa-buah jambatan di-Batang Kayan bagi menyambongi jalan Bau/Lundu yang pada masa ini terdapat sa-buah

perkhidmatan feri perchuma. Tidak ada chadangan bagi membena sa-buah jambatan di-tempat yang di-sebutkan dalam Rancangan Malaysia yang Kedua ini. Perbelanjaan bagi membena jambatan tetap berharga kira² \$4 juta. Perlu-lah di-nyatakan bahawa kenderaan yang menggunakan jalan ini ada-lah sangat kurang dan ini tidak menunjukkan kepentingan bagi membena jambatan tersebut.

RUMAH PANGSA RIFLE RANGE— PEMBENAAN KELINIK KESIHATAN

19. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kesihatan menyatakan bila-kah kelinik kesihatan akan di-dirikan oleh Kementerian-nya di-sembilan buah blok rumah pangsa di-Rifle Range, Pulau Pinang untuk memberi kemudahan kepada lebih daripada 20,000 orang penduduk di-sana.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Rumah Pangsa "Rifle Range" hanya $\frac{1}{2}$ batu jauh-nya daripada Pusat Kesihatan Kechil di-Ayer Hitam.

Penduduk Ayer Hitam ... 30,000 orang
Penduduk "Rifle Range" 20,000 orang

Perkhidmatan bas terus sedia ada daripada "Rifle Range" ka-Ayer Hitam.

Sa-buah kelinik baru (poliklinik) sedang di-dirikan di-Ayer Hitam.

Tender di-jangkakan akan di-panggil dalam bulan September.

Klinik ini akan mempunyai perkhidmatan sa-panjang masa—

sa-orang doktor
sa-orang pegawai pergigian
sa-orang pembantu rumah sakit
Jururawat² dan pembantu² jururawat²
dan lain².

Pada masa ini Dewan Bandaraya juga mempunyai sa-buah Klinik Kesihatan Kanak² dan Ibu Mengandung yang jauh-nya $\frac{1}{2}$ batu daripada Blok² Rumah Pangsa di-Jalan "Rifle Range". Juga Doktor dari Dewan Bandaraya melawat Klinik ini sa-kali sa-minggu.

Pada pendapat Kementerian Kesihatan Poliklinik yang baru ini akan memberi kemudahan² kesihatan yang chukop seperti yang di-perlukan oleh kawasan ini.

HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR— KEMUDAHAN PENGANGKUTAN

20. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Kesihatan sama ada beliau sedar bahawa Hospital Besar, Bandaraya Kuala Lumpur tidak mempunyai kemudahan² untuk membawa mayat orang² bukan Islam ka-rumah² mereka, dengan ini menggalakkan penindasan dari tuan punya kereta ka-atas mangsa² ini kerana mereka sangat² memerlukan pengangkutan, dan sama ada beliau boleh memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa langkah² segera akan di-ambil untuk menyediakan kemudahan² yang di-perlukan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tidak, saya tidak sedar bahawa Hospital Besar Kuala Lumpur tidak ada kemudahan² pengangkutan untuk membawa mayat² ka-rumah² mereka. Sa-buah kereta mayat ada di-sediakan untuk membawa mayat² ka-tempat² di-dalam lengkungan Bandaraya dan segala per-tolongan di-berikan kepada waris² si-mati oleh pihak hospital sa-kira-nya si-mati itu datang daripada kawasan² di-luar Kuala Lumpur.

Kementerian saya sedang mengambil langkah² bagi menyediakan kemudahan² yang sama di-semua hospital².

PESAKIT² WAD KELAS TIGA HOSPITAL BESAR—KESULITAN

21. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Kesihatan sama ada beliau bersedia menyasiat aduan² dari pesakit² yang terlantar di-wad kelas tiga Hospital Besar kerana mereka terpaksa membayar 20 sen untuk mendapatkan pot² untuk membuang ayer apabila di-perlukan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Jika Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat mempunyai evidence atau bukti² yang nyata berkenaan dengan perbuatan² korupsi tersebut, sudah tentu boleh saya menyasiat dalam hal ini. Saya yakin Badan Penchegah Rasuah juga akan mempunyai minat jika Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat atau sesiapa juga dari orang awam dapat memberi bukti² mengenai perbuatan² korupsi itu.

UJIAN LISAN BAHASA MALAYSIA— MEMBATALKAN

22. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kemen-

terian-nya akan membatalkan Ujian Lisan Bahasa Malaysia sa-bagai sa-bahagian dari peperiksaan M.C.E. yang di-mestikan, mulai dari tahun hadapan hingga terdapat guru² yang chukop faseh di-dalam Bahasa Malaysia di-sekolah², memandangkan sa-tiap tahun beribu² murid gagal di-dalam peperiksaan M.C.E. kerana gagal di-dalam Bahasa Malaysia.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tidak. Langkah ini ada-lah di-fikirkan perlu bagi penuntut² kita untuk membolehkan mereka bertutor dalam Bahasa Malaysia dan menguasai bahasa itu dengan lebeh sempurna lagi. Keadaan sekarang yang semata² mementingkan penulisan amat-lah tidak memuaskan.

Kegagalan chalun² dalam peperiksaan M.C.E. pada masa² yang sudah bukan-lah di-sebabkan oleh kekurangan guru yang chekap dan faseh dalam Bahasa Malaysia.

Guru² yang mengajar Bahasa Malaysia ada-lah menchukopi dan layak dari segi akademik dan ikhtisas.

IJAZAH² UNIVERSITI NANYANG/ TAIWAN—PENILAIAN

23. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada jawatankuasa untuk mengkaji ijazah² luar negeri seperti dari Universiti Nanyang dan Taiwan, telah bermeshuarat, jika ya, bila-kah laporan itu akan di-kemukakan ka-Parlimen.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Sa-benarnya tidak ada satu jawatankuasa yang di-tubuhkan untuk menilai taraf ijazah atau kelulusan² daripada Universiti Nanyang atau Taiwan. Yang ada ia-lah Jawatankuasa Tetap Pengiktirafan Kelayakan² Asing yang bertanggung-jawab untuk menilai kelayakan² yang di-perolehi oleh Ra'ayat Malaysia daripada luar negeri. Jawatankuasa ini telah mengadakan meshuarat sa-banyak 15 kali dan perkara² mengenai Universiti Nanyang dan Taiwan ada di-binchangkan dari sa-masa ka-samasa. Sa-bagaimana yang telah saya katakan dalam dewan ini pada 8hb lepas, satu keputusan muktamad mengenai ijazah² Universiti Nanyang dan Taiwan akan di-buat dalam tahun ini.

Oleh kerana Jawatankuasa Tetap ini di-lantek oleh Jumaah Menteri, maka ia-nya menyampaikan keputusan²-nya kepada Jumaah Menteri sahaja.

PELAN INDOK LEMBAH KELANG/KUALA LUMPUR

24. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan :

- (a) bila perunding² bagi Pengkajian Pelan Indok Lembah Kelang-Kuala Lumpur (Kuala Lumpur-Klang Valley Master Plan Study) akan menyerahkan laporan pertama mereka kepada Kerajaan;
- (b) apa-kah tugas² perunding² itu sa-benar-nya, nama² mereka dan nama² kakitangan tempatan yang membantu mereka; dan
- (c) jumlah wang Kerajaan terpaksa membayar kepada perunding² itu.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui):

- (a) Deraf pertama laporan daripada pakar² perunding itu akan di-kemukakan kepada Kerajaan sa-belum akhir tahun 1972.
- (b) Bidang tugas² pakar² perunding ini termasuk-lah :
 - (1) Projeksi (Projection) pembangunan kawasan, khusus-nya mengenai penduduk, pekerjaan dan infrastruktur;
 - (2) Kajian sa-mula dan shor² untuk memperbaiki urusan persendirian dan penyusunan kawasan dan mengubahsuaikan pelan² yang sedia ada serta perancangan pengangkutan;
 - (3) Shor² untuk melaksanakan pelan²; dan
 - (4) Kajian² kemungkinan akan projek² yang di-uruskan.

Nama² pakar perunding dan juga nama² pegawai ikhtisas tempatan yang membantu mereka ada-lah seperti berikut :

Nama Pakar Perunding					Taraf-nya
1.	Mr D. J. Grove	...	...	...	Project Manager
2.	Mr L. Huszar	...	...	...	Deputy Project Manager
3.	Mr H. Maddick	...	...	...	Public Administration Consultant
4.	Mr D. Pasteur	...	...	...	Public Administration Consultant
5.	Mr T. J. Powell	...	...	...	Transport Economist 1
6.	Mr D. S. Kennedy	...	...	...	Transport Planner
7.	Mr P. C. Swan	...	...	...	Transport Economist 2
8.	Mr A. W. Davies	...	...	...	Public Administration Specialist
9.	Mr Mathai/Oh	...	...	...	Public Finance Experts
10.	Mr D. G. Rawson	...	...	...	Legal Expert
11.	Mr J. Cooper	...	...	...	Bus Expert
12.	Mr G. Wallwork	...	...	...	Rail Expert
13.	Mr J. A. M. N. Holt	...	...	...	Utilities Engineer
14.	Mr J. Stewart	...	...	...	Utilities Engineer
15.	Mr Chan Hon Lam	...	...	...	Utilities Engineer
16.	Mr C. M. Houston	...	...	...	Economist
17.	Miss J. Rawson	...	...	...	Assistant Regional Planner
18.	Mr M. J. Hutchinson	...	...	...	Assistant Transport Planner
19.	Mr R. Knowles	...	...	...	Administrative Assistant
20.	Mr J. O. Tresidder	...	...	...	Supervising Partner
21.	Mr I. C. W. Hancock	...	...	...	Supervising Partner
22.	Mr B. G. Cox	...	...	...	Supervising Partner

NAMA² PEGAWAI IKHTISAS TEMPATAN YANG MEMBANTU MEREKA

Nama	Jawatan dan Jabatan	Taraf-nya
1. Ishak bin Ariffin, BCK	Pengarah, Jabatan Peranchang Bandar dan Kampong, Jalan Young, Kuala Lumpur	Co-Project Manager
2. Mohd. Ahyat bin Mohd. Nor	Penolong Pengarah, Jabatan Peranchang Bandar dan Kampong, Jalan Young, Kuala Lumpur	Land-use Planner
3. Zaidan bin Haji Othman	Pem. Ketua Unit Peranchangan Jalan, Kementerian Kerja dan Tenaga Ra'ayat, Jalan Maxwell Kuala Lumpur	Transport Economist/ Planner
4. Ahmad bin Sidek ...	Pengarah Projek Khas, Bahagian Peranchang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur	Regional Economist
5. Mohd. Alkaf bin Mohd. Kahar	Penolong Setiausaha, Bahagian Projek Khas, Bahagian Peranchang Ekonomi, Jabatan Dato' Onn, Kuala Lumpur	Regional Economist

(c) Pakar² perunding itu di-biayai oleh Rancangan Pembangunan Bangsa² Bersatu bagi Bantuan Teknik. Kerajaan Malaysia menyumbangkan pegawai² ikhtisas tempatan pejabat dan perabot pengangkutan resmi dan perkhidmatan cetak dan sebagai-nya. Jumlah perbelanjaan yang terlibat ada-lah di-anggarkan sebanyak \$200,000.

KERUNTOHAN RUMAH² PANGSA DI-JALAN RAJA LAUT—LAPORAN

25. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Teknoloi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bila-kah laporan penyiasatan mengenai keruntohan rumah pangsa di-Jalan Raja Laut akan di-siarkan;
- (b) bila-kah peratoran bangunan yang baru akan di-bentangkan di-Parlimen; dan
- (c) sama ada Kerajaan akan mengadakan Undang² bagi mendaftarkan kontraktor² bangunan bagi menentukan bahawa hanya kontraktor² yang chekap sahaja di-benarkan untuk mendirikan bangunan² tinggi yang berbagai² saiz bagi melindungi orang² awam dan mengelakkan keruntohan bangunan.

Dato' Ong Kee Hui:

- (a) Laporan mengenai keruntohan Rumah² Pangsa di-Jalan Raja Laut boleh di-dapati untuk di-beli oleh orang ramai daripada Penchetak Kerajaan, Kuala Lumpur dengan harga \$70 sa-naskhah.

(b) Suatu Akta mengenai lorong, parit, dan bangunan sedang di-buat dan akan di-bawa untuk timbangan Parlimen setelah di-terima oleh Kabinet dan Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan (N.C.L.G.).

(c) Belum ada chadangan yang seperti itu lagi.

KAJIAN KEPERLUAN² TANAH

26. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kementerian beliau akan menjalankan satu Kajian Keperluan² Tanah bagi seluroh negara, jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Pada pertimbangan saya, banchi yang di-maksudkan itu tidak perlu di-jalankan di-peringkat ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kerajaan telah pun menjalankan satu "land capability and land use survey" di-Malaysia Barat. Berasaskan pada hasil banchi ini, Kerajaan Pusat melalui berbagai² jenis ajensi seperti FLDA, FELDA, FELCRA, UDA dan Kerajaan² Negeri melalui

Lembaga Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDC) sedang menjalankan projek² kemajuan tanah bagi memenuhi keperluan² penduduk dari sa-masa ka-samasa. Ada-lah dirasakan bahawa langkah² yang di-jalankan sekarang ada-lah chara yang paling realistik bagi memenuhi keperluan² tanah di-negara ini.

MINYAK MENTAH SARAWAK SHELL BERHAD—PENGELUARAN

27. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Perusahaan Utama menyatak-

- (a) apa-kah pengeluaran minyak/petrol bulanan/tahunan Sharikat Shell di-Sarawak;
- (b) banyak mana-kah "royalties" yang telah di-bayar oleh Sharikat Shell; dan
- (c) jumlah "royalties" yang di-bayar kepada Hasil Persekutuan dan Hasil Negeri.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:

- (a) Pengeluaran minyak mentah Bulanan dan Tahunan oleh Sharikat Sarawak Shell Berhad di-Sarawak ia-lah saperti berikut:

Bulan	Pengeluaran (U.S. Barrels)		
TAHUN 1970—			
Januari	...	...	325,516
Februari	...	...	293,709
Mach ...	...	...	326,510
April ...	...	...	312,905
Mei ...	...	...	342,248
Jun ...	...	...	351,732
Julai ...	...	...	418,404
Ogos ...	...	...	454,978
September	...	...	572,171
Oktober	...	...	868,282
November	...	...	1,051,976
Disember	...	...	1,240,318
Jumlah Tahun 1970	...	...	6,558,749

TAHUN 1971

Bulan	Pengeluaran (U.S. Barrels)		
Januari	...	...	1,442,220
Februari	...	...	1,359,584
Mach	...	...	1,566,670
April	...	...	1,566,519
Mei	...	...	1,750,583
Jun	...	...	1,998,320
Julai	...	...	2,362,537
Ogos	...	...	2,592,348
September	...	...	2,367,493
Oktober	...	...	2,428,750
November	...	...	2,751,982
Disember	...	...	2,883,886
Jumlah Tahun 1971	...	...	25,070,892

- (b) Jumlah "royalties" yang telah di-bayar oleh Sharikat Sarawak Shell Bhd. ia-lah \$23,423,645.
- (c) Jumlah "royalties" yang di-bayar hasil Persekutuan ia-lah \$17,965,577. Jumlah "royalties" yang di-bayar hasil Negeri ia-lah \$5,458,068.

GETAH ASLI/TIRUAN— LOJI CHAMPORAN

28. Dr A. Soorian minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama adu Kerajaan akan menimbang mendirikan suatu loji yang mengeluarkan champoran getah asli dan getah tiruan bagi kilang² yang menggunakan champoran itu memandangkan kapada banyak-nya hasil² getah yang mengandongi getah tiruan yang berbeza² darjat-nya.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:
Pada masa sekarang penyelidikan kompaun getah asli dan tiruan sedang di-jalankan oleh yunit yang berkenaan di-bawah Lembaga Kumpulan Wang Getah mengikut chara yang boleh menggalakkan dan bukan membahayakan kegunaan getah asli keselurohan-nya. Sa-kira-nya ini berjaya ada-lah perlu kompaun ini di-keluarkan dengan banyak dan bermutu yang boleh menjaminnya menasabah-nya dari segi ekonomi membena kilang tersebut oleh Kerajaan untuk kegunaan pengguna. Dalam hubongan ini perlu

di-kaji permintaan di-dalam negeri dan terutama di-luar negeri di-mana bahan ini akan menghadapi persaingan. Perkara pembenaan kilang tersebut sesuai di-timbang jika menasabah memandangkan Kerajaan sedang mengambil langkah menggalakkan kemajuan perusahaan getah dalam negeri ini dalam semua aspek seperti pengeluaran, pasaran, penyelidikan dan perusahaan mengenai bahan getah dengan chara keseluruhan (integrated).

PASARAN GETAH KUMPULAN KAPITALIS KECIL—PENGELUARAN

29. Dr A. Soorian minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dengan pengapongan sterling paun suatu gulungan kapitalis yang kecil telah menguasai pasaran getah dan jika sedar, apa-kah yang di-buat oleh Kerajaan berkaitan dengan perkara ini dan ada-kah Kerajaan akan menimbang menjadikan perusahaan getah hak-milik negara sa-kira-nya kejatuhan harga getah yang terus-menerus tidak dapat di-sekat melalui peratoran² yang biasa.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Saya tidak sedar yang ada-nya kumpulan kapitalis kecil yang telah menguasai pasaran getah. Kerajaan sedar bahawa harga getah yang rendah sekarang menjejaskan semua pihak yang berkenaan. Untuk mengatasi masalah mengenai getah termasuklah masalah harga. Kerajaan telah menubuhkan satu Pasukan Kerja Pegawai² (Task Force of Officials) untuk mengkaji struktur mengenai penyelidikan kemajuan, pengeluaran dan pemasaran getah dengan tujuan untuk menchipta satu Dasar Perusahaan Getah Kebangsaan.

Berdasarkan dengan cadangan Pasukan Kerja ini saya akan mengemukakan lima Rang Undang² di-dalam sidang Parlimen ini untuk membolehkan Kerajaan membuat pindaan organisasi yang perlu bagi menentukan kemajuan yang cekap dan kukuh bagi perusahaan getah.

GRANTS BERLEBEHAN KAPADA GURU²—PEMBERIAN

30. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada bayaran² yang berlebihan bagi "grant" ka-sekolah², bayaran yang ber-

lebihan kepada guru dan kumpulan wang sewa dari guru² bukan Kerajaan, jika ya, apa-kah langkah² yang di-ambil oleh Kementerian untuk mengelakkan kelebihan seperti itu.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Ya, saya sedar ada berlaku-nya pemberian "grants" yang berlebihan, tetapi sabarang pembayaran yang berlebihan pada satu² tahun itu akan di-selaraskan dengan jumlah pemberian "grants" bagi tahun yang berikut-nya. Kementerian saya sentiasa mengawasi pembayaran² tersebut melalui pemereksaan² odit untuk menentukan kesilapan² itu tidak berlaku. Berkenaan dengan pembayaran berlebihan kepada guru², di-mana² telah di-sahkan, ia-nya akan di-perolehi baki daripada guru² yang berkenaan.

Jika Ahli Yang Berhormat maksudkan dengan "kumpulan wang sewa" sa-bagai sewa rumah yang di-pungut daripada guru², Kementerian ini tidak pernah membuat pungutan yang berlebihan.

KARUPPIAH, P.—SEBAB² KEMATIAN DI-HOSPITAL KUALA LUMPUR

31. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Kesihatan sama ada beliau sedar bahawa beliau telah menyatakan di-dalam Dewan ini pada bulan Disember, 1971 bahawa Kementerian Kesihatan tidak dapat menyatakan sebab² kematian P. Karuppiah dalam wad 17 di-Hospital Besar Kuala Lumpur pada 22hb September, 1970, kechuali kepada waris-nya sahaja, dan jika demikian mengapa-kah Kementerian enggan memberitahu sebab²-nya apabila bali si-mati, Che' Soh Ah Moi @ Suthana Devi membuat pertanyaan pada 3hb Januari, 1972.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kementerian saya tidak enggan memberitahu sebab² kematian Enche' P. Karuppiah kepada waris-nya. Sebab kematian-nya telah di-nyatakan di-dalam "Sijil Mati" dan juga "Surat Kebenaran Menanam" yang di-keluarkan kepada waris-nya pada 22hb September, 1970.

ALAT BUAH-PINGGANG DI-HOSPITAL BESAR KUCHING

32. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Kesihatan menyatakan

bila-kah Rumah Sakit Umum Kuching dapat di-lengkapkan dengan alat buah-pinggang (kidney-machine) yang serupa dengan alat yang di-gunakan oleh Councillor Ainnie Dobbhy di-Rumah Sakit Umum Kuala Lumpur, supaya orang² yang mengidap penyakit buah pinggang di-Sarawak boleh mendapat rawatan di-Kuching.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tidak ada rancangan untuk melengkapkan Hospital Besar Kuching dengan alat buah pinggang.

Walau bagaimana pun, telah ada rancangan untuk menubuhkan satu Institute Urology dan Nephrology di-Kuala Lumpur dengan satu yunit chawangan-nya di-adakan di-Kuching.

PETAI/JERING SA-BAGAI PENCHEGAH PENYAKIT KENCHING MANIS

33. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada benar bahawa petai dan jering telah di-akuī boleh mencheegah penyakit kencing manis;
- (b) pendapat badan penyelidikan perubatan Universiti Malaya tentang perkara ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Pada masa ini penyelidikan sedang di-jalankan oleh Jabatan Farmakoloji Fakulti Perubatan, Universiti Malaya tetapi maseh lagi belum di-ketahuī dengan pasti samada petai dan jering boleh mencheegah penyakit kencing manis atau tidak. Untuk sementara waktu ini molek-lah pesakit² kencing manis patoh kapada rawatan yang di-terima di-hospital² atau daripada doktor².

PENYAKIT TA'UN DI-IBU NEGARA—PUNCHA

34. Dr A. Soorian minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau boleh merangkakan sebab² meletus-nya penyakit ta'un baru² ini di-Ibu Negara Persekutuan dan apa-kah langkah² mencheegah yang telah di-jalankan oleh Kerajaan terhadap letusan² saperti itu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Di-kawasan Kuala Lumpur kes penyakit ta'un yang pertama yang di-sahkan telah di-laporkan pada 11-4-72 dan kes yang terakhir di-laporkan pada 27-6-1972. Dalam masa itu 11 kes penyakit ta'un, 2 kematian dan 1 "carrier" telah di-beritahu datang-nya dari kawasan² Kuala Lumpur yang berlainan. 5 kes orang Melayu, 4 kes orang China dan 2 kes orang India.

Dari penyiasatan menunjukkan sa-orang pembawa yang sehat ia-lah sa-orang wanita Melayu yang menjual nasi lemak. Dua daripada kes yang di-sahkan di-Kuala Lumpur telah membeli nasi lemak daripada wanita ini. Tetapi dari penyiasatan tidak ada bukti yang menunjukkan asal berjangkit-nya 9 kes yang lain dan tiada perhubungan di-antara mereka.

Nampak-nya kes² penyakit ta'un merebak di-sekitar Kuala Lumpur termasuk sebahagian kampong². Sunggoh pun sa-orang "carrier" telah di-jumpai, kejadian wabak ini di-perchayai telah tersebar melalui "healthy carriers".

Sa-bagai langkah² untuk mengawal penyakit ta'un penyiasatan sa-penoh-nya telah dibuat di-kawasan² kes penyakit ta'un terjadi. Melebehi 1,500 "rectal swabs" telah di-ambil dalam masa penyiasatan kes² penyakit ta'un. Chontoh ayer telah di-ambil dari perigi dan daripada chontoh² makanan yang di-shakki. Sa-jumlah 23,077 orang telah di-suntek di-kawasan yang berhampiran dengan kes² yang berlaku. Semua kontek telah di-beri "tetracycline" sebagai langkah² mengawal.

Tiada kes² sa-lanjut-nya yang telah di-laporkan di-Kuala Lumpur semenjak 28-6-72 dan Kuala Lumpur telah di-istiharkan sa-bagai kawasan yang tidak berpenyakit daripada 17-7-72.

Sa-bagai langkah untuk mengelakkan wabak yang akan datang, kawalan bagi pembawa makanan di-kawasan Kuala Lumpur telah di-tubuhkan oleh Dewan Bandaraya untuk menchari "healthy carriers" dan langkah² untuk membaiki kebersehan kawasan sa-keliling. Walau bagaimana pun ada sebab penyakit ini biasa-nya di-sebarkan melalui "healthy carriers", tidak ada jaminan kita tidak akan menghadapi sa-barang kes kolera lagi di-Kuala Lumpur (kita pun ada kes² di-Singapura). Tetapi saya merayu pada

masyarakat untuk melaporkan kepada kita apabila berlaku-nya chirit-birit dan muntah supaya membolehkan kita membuat penyiasatan segera untuk di-selenggarakan dengan sa-chepat-nya bagi mengawal wabak seperti itu.

NELAYAN AYER TAWAR/LAUT— PERBEZAAN HASIL TANGKAPAN

35. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa nasib nelayan ayer tawar tidak sama dengan nasib nelayan laut dalam berbagai bidang, baik bidang pemasaran atau bidang² kemudahan yang lain;
- (b) sama ada ikan darat telah mendapat pasaran sa-takat ini.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Saya sedar memang tak sama nasib nelayan ayer tawar itu jika di-bandingkan keadaan hidup nelayan laut. Mata pencharian nelayan laut bergantung kepada pendapatan mereka dari laut, tetapi hampir² semua nelayan ayer tawar mempunyai pekerjaan² yang lain dan hanya menjadi nelayan dengan chara sambil-sambilan. Ikan² ayer tawar telah dapat pasaran tetap terutama-nya di-kawasan² pendalaman di-mana ikan² laut ta' sampai atau kurang di-perolehi. Di-bandar² pun ada hotel yang melanggan ikan ayer tawar. Ikan² ayer tawar juga mempunyai pasaran eksport dalam tahun 1971 sa-banyak 490 tan ikan basah bernilai \$237,078 dan 38 tan ikan kering bernilai \$14,138 telah di-ekspot.

HARGA GULA MALAYSIA BARAT/ TIMOR—PENYAMAAN

36. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga gula di-Kuching maseh lagi 55 sen sa-kati, ia-itu 10 sen lebih mahal dari harga di-Malaysia Barat, dan jika ya, sama ada Kerajaan akan menimbang menyamakan harga gula seperti harga rokok di-seluruh Malaysia.

Tuan Mohamed Khir Johari: Ada-lah menjadi dasar Kementerian saya untuk mengadakan harga yang sama bagi barang² buatan tempatan setakat mana yang boleh di-Malaysia Barat dan Malaysia Timor.

Perbezaan dalam harga runchit gula sebanyak 10 sen sa-kati di-antara Malaysia Barat dengan Malaysia Timor ia-lah kerana sa-hingga hari ini Malaysia Timor bergantung dengan banyak-nya kepada bekalan² dari luar negeri untuk kehendak gula-nya. Harga gula (ia-itu termasuk tambang dan insuran) bagi Malaysia Timor yang di-kenakan oleh pembekal² luar negeri ada-lah selaras dengan harga di-pasaran dunia yang berubah dari masa ka-samasa.

Gula yang di-bekalkan dari Malaysia Barat berjumlah hanya 20% dari kehendak gula Malaysia Timor dan sungguhpun langkah² telah di-ambil oleh pangilang² gula tempatan untuk menjualkan lebih jumlah gula ka-Malaysia Timor namun demikian sambutan dari pengimpot² gula di-Malaysia Timor tidak memuaskan dan mereka terus mengimpot dari puncha² yang murah sekali ia-itu negeri China melalui Hong Kong. Oleh kerana pasaran gula di-Malaysia Timor ada-lah satu pasaran kecil atau "marginal" bagi negara² yang mengeksport gula, pengilang² gula di-Malaysia Barat terpaksa-lah menjual gula ka-Malaysia Timor dengan harga yang setanding dengan harga di-Hong Kong dan pada beberapa kali yang lampau harga yang di-kenakan untuk Malaysia Timor ada-lah rendah dari harga yang di-kenakan di-Malaysia Barat.

Kementerian saya baharu² ini telah mengkaji semula kedudukan harga gula di-Malaysia Timor dengan tujuan untuk mengadakan harga yang stabil dan sedang mengambil langkah untuk mengadakan satu harga yang selaras yang akan membenarkan harga gula runchit di-Malaysia Timor diturunkan menjadi lebih kurang sama dengan Malaysia Barat.

PENIAGA² MELAYU/PENIAGA² ASING—KERJASAMA

37. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sa-jauh mana-kah peniaga² dan pengusaha² asing telah bekerjasama sa-takat ini dengan peniaga² Melayu dan sama ada kerjasama peniaga² asing itu pernah di-laporkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan jika ada, apa-kah langkah² atau tindakan yang telah di-ambil bagi memperhebatkan kerjasama itu.

Tuan Mohamed Khir Johari: Dari segi Kementerian ini, ingin saya menyatakan bahawa peniaga² dan pengusaha² asing telah dan sedang memberi kerjasama mereka terhadap peniaga² Melayu dan pada am-nya saya berpuas hati atas perkara ini. Lazim-nya kerjasama ini ada-lah melalui perkongsian bersama atau pun pengambilan saham² dan hasil kerjasama ini telah pun dan akan di-laporkan dari masa ka-samasa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

QUOTA BANGUNAN² PERNIAGAAN DI-BANDAR²

38. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan berchadang mengadakan suatu undang² untuk menentukan kota (quota) bangunan² perniagaan yang di-dirikan di-bandar² dan pekan² oleh kalangan swasta sa-bagai suatu langkah mengawal perimbangan ekonomi kaum².

Tuan Mohamed Khir Johari: Pihak Kerajaan tidak berhajat hendak mengadakan sa-barang undang² untuk menentukan kota (quota) tempat² berniaga yang hendak di-bena dalam kota² dan bandar² oleh sektor swasta untuk mengawal persimbangan ekonomi di-antara kaum oleh kerana pihak Kerajaan telah melaksanakan langkah² yang positif untuk mengadakan tempat² berniaga kepada bumiputra melalui Lembaga² Kerajaan Negeri, UDA dan sa-bagai-nya bagi maksud ini.

BADAN KHAS—KAJIAN PENDUDOK² LUAR BANDAR

39. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada sa-buah badan telah di-tubuhkan untuk mengkaji lebeh mendalam sikap orang Melayu dan bumiputra di-kawasan² luar bandar;
- (b) faedah-nya mengadakan badan sa-rupa itu; dan
- (c) sama ada badan ini dapat menolong orang² Melayu dan bumiputra bergerak sama dengan giat-nya dalam Ranchangan Malaysia Kedua atau dalam Ranchangan Malaysia Ketiga kelak.

Perdana Menteri: Tidak ada di-tubuhkan badan khas untuk mengkaji perkara ini tetapi Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia yang terletak di-bawah Jabatan saya sedang menjalankan satu kajian amal mengenai "Sikap dan Hasrat Penduduk² di-luar bandar", khas-nya para petani Melayu. Kajian tersebut di-lakukan sa-bagai tindakan lanjutan daripada seminar "Memperbaiki Sikap, Semangat dan Dedikasi" yang telah di-anjorkan bersama oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia pada 10-13hb Januari, 1972. Sa-sudah kajian amal itu di-jalankan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia akan menjalankan kajian yang lebeh luas dengan bekerjasama dengan lain² Kementerian yang terlibat.

Kajian tersebut akan memberi faedah kepada Kerajaan untuk mengetahui keadaan yang sa-benar mengenai sikap² penduduk² luar bandar dalam konteks pembangunan negara dan langkah² tegas yang dapat di-ambil untuk menanam sikap yang lebeh progresif dan mengubah nilai² hidup ra'ayat di-luar bandar.

Usaha² ini di-perchayai sangat besar guna-nya untuk menolong orang² Melayu dan bumiputra bergerak dengan lebeh giat lagi dalam usaha² membaiki keadaan hidup mereka supaya dapat menerima nekmata yang sa-penoh-nya daripada Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

QUEEN ELIZABETH II KAMALAYSIA—LAWATAN PERBELANJAAN

40. Tuan Su Liang Yu minta Perdana Menteri menyatakan jumlah wang yang telah di-belanjakan oleh Kerajaan atas lawatan Queen Elizabeth II ka-Malaysia baru² ini.

Perdana Menteri: Jumlah-nya ia-lah sa-banyak \$348,158.91 sen.

HUKUM SHARI'AH—PENYELARASAN

41. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau akan berusaha menyamakan Hukum Shari'ah di-seluruh negara dan apa-kah rintangan² yang menghalang usaha ini; dan

- (b) mengapa-kah Hukum Shari'ah ini terpakai kepada orang² Islam sahaja pada hal kadang² orang² bukan Islam juga terlibat sa-bagaimana dalam kes khalawat dan sa-bagai-nya.

Perdana Menteri:

- (a) Usaha² sedang di-jalankan untuk menyelaraskan Hukum Shari'ah di-seluruh negara.

Menurut Perlembagaan, Kerajaan Pusat tidak mempunyai apa² kuasa mengenai Ugama Islam yang terta'alok di-bawah kuasa Negeri². Duli² Yang Maha Mulia Sultan² ada-lah menjadi Ketua Ugama di-Negeri Baginda masing².

Masalah yang mungkin timbul ialah mendapatkan persetujuan kata sepakat daripada kasemua Kerajaan² Negeri di-atas Undang² dan Per-atoran² Pentadbiran Ugama Islam yang sama bagi seluruh Malaysia.

- (b) Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Dewan² Undangan Negeri membuat Undang² bagi meng-adakan dan menghukum kesalahan² yang di-lakukan oleh orang² yang menganut ugama Islam terhadap rukun² Islam. Oleh itu undang² yang di-buat oleh Dewan Undangan Negeri tidak-lah boleh menyentoh orang² yang bukan Islam.

USUL

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan:

Bahawa menurut peruntokan Peratoran Meshuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan di-tanggohkan hari ini hingga pukul 7.00 petang.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa menurut peruntokan Peratoran Meshuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan di-tanggohkan hari ini hingga pukul 7.00 petang.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² RAHSIA RASMI

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua sekarang." (11hb Ogos, 1972).

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambong ucapan saya menggulong perbahasan Rang Undang² Rahsia Rasmi, saya suka menjawab sungutan Ahli Yang Berhormat dari Batu mengenai "overzealousness" pegawai² Chawangan Khas sa-masa beliau menemui sa-orang tahanan di-Balai Polis Jalan Bandar, Kuala Lumpur, ingin saya jelaskan di-sini bahawa langkah² yang di-jalankan oleh pegawai² Polis di-situ ada-lah mengikut kaedah² lokap (Lock-up Rules). Sa-bagai Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum biasa-nya pelawat² hanya di-benarkan menemui orang² yang di-tahan chuma pada masa pejabat sahaja (during office hours) tetapi di-dalam perkara ini beliau telah di-benarkan menemui orang tahanan itu sa-lepas waktu pejabat. Mengenai tuduhan Ahli Yang Berhormat bahawa pehak Chawangan Khas telah menyimpan buku² tersebut, ingin saya terangkan di-sini bahawa apa jua benda yang di-beri kepada sa-saorang yang di-tahan di-sasabua lokap Polis itu hendak-lah terlebih dahulu di-periksa dengan chermat-nya. Oleh kerana buku² itu ada-lah kepunyaan Ahli Yang Berhormat maka akhir-nya buku² tersebut di-pulangkan kepada Yang Berhormat dan tidak di-pulangkan kepada orang tahanan itu.

Saya menafikan dengan kuat-nya tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka yang mengatakan ada-nya satu yunit khas dalam Special Branch untuk menghanchor-kan Parti² Pembangkang. Kegagalan dan perpechahan Parti D.A.P. dan juga Parti Buroh ada-lah di-sebabkan oleh kelemahan² parti itu sendiri. Saperti di-ketahu² oleh

umum, Parti D.A.P. dan Parti Buroh ada-lah tidak mendapat sokongan ra'ayat jelata yang jujur dan ta'at setia kepada negeri ini. Kegagalan dan perpechahan Parti D.A.P. dan Parti Buroh ada-lah di-sebabkan juga oleh ada-nya pertelagahan sa-sama sendiri antara pemimpin² saperti yang berlaku sekarang ini di-dalam D.A.P. Nampak-nya Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka membuat tuduhan yang melulu itu ada-lah untuk menutup pekong di-dada sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah mengeshorkan supaya di-tambahkan hukuman penjara yang terkandung di-dalam Rang Undang² ini menjadi 20 tahun dan denda sa-banyak \$100,000. Saperti yang telah di-jelaskan di-dalam ucapan saya sa-masa membentangkan Rang Undang² ini bahawa hukuman berthabit dengan kesalahan mengintip (penalty for spying) ia-lah hukuman penjara sa-lama 14 tahun atau denda hingga \$20,000 atau kedua²-nya sa-kali berbanding dengan \$10,000 atau penjara sa-hingga 14 tahun di-bawah Ordinan Rahsia Rasmi tahun 1950. Hukoman² yang terkandung di-dalam Rang Undang² dirasakan sudah chukop tinggi mengikut keadaan sekarang. Tetapi jika hukoman² tersebut itu di-fikirkan maseh tidak dapat menchegeh (deter) orang² daripada melakukan kesalahan² di-bawah Rang Undang² ini maka Kerajaan tidak akan teragak² meninggikan hukoman² ini lagi dan mengambil langkah² yang lain juga.

Mengenai chadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya keluarga orang yang melakukan kesalahan di-bawah Rang Undang² ini di-hukumkan juga saya ingin mema'alumkan bahawa kesalahan itu tidak patut di-bebankan kepada orang² lain yang tidak bersalah walaupun keluarga-nya sendiri.

Izinkan saya berchakap dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua.

(*Dengan izin*) In criticising the provisions of Clauses 21 and 22, the Honourable Member for Pulau Pinang Utara fails to appreciate that the Courts have always been an independent body and being independent are the sole arbiter as to the guilt or innocence of an accused person.

Clause 21 merely allows the statements made to the Police to be admissible in a Court of Law but such statement can only be used if the Court is satisfied beyond doubt

that there is no threat, inducement or promise, and I emphasise, when the Court is satisfied that there is no threat, inducement or promise there can be no objection to the use of such statement if it is freely and voluntarily given. Similarly, Clause 22, while stating that the accomplice should not be presumed to be unworthy of credit, does not take away the Court's inherent power, and indeed a very fundamental power of the Court, to arrive at a just decision to believe or not to believe the accomplice and therefore whether to accept or reject his evidence.

Presumptions of fact are not new to the law. Even within the Evidence Ordinance there are presumptions. These presumptions that are found in Clause 17 require the prosecution to prove certain other facts before the presumption can arise. Once these facts are proved, then, and only then, can the presumptions found in Clause 17 be raised. It does not mean that just because the presumptions are raised the accused is guilty. Our law still requires the person to be heard before he is condemned. He is still entitled and able to rebut these presumptions to show his innocence.

The Honourable Member for Pulau Pinang Utara in his speech imputed that this Bill will be used "for politicians to cover up their mistakes". This is a mischievous statement. The aim and object of this Bill is primarily intended to prevent official matters from falling into unauthorised hands. This Bill aims at checking culpable negligence which is a criminal offence, as much as thwarting any deliberate illegal assistance to a foreign or subversive agency. It certainly cannot cover any political mistakes.

The Honourable Member while commenting on Clause 15, which requires the consent of the Public Prosecutor before the prosecution of an offence under this Bill, alleges that this provision could enable abuse by the Police. The Honourable Member himself should know that this provision itself is a safeguard to ensure that no action or further action be taken against anyone who is innocent. This provision enables supervision of the Police activities by another department which is completely divorced from the Police.

The Honourable Member for Bungsar seems afraid that this law will lead to red tape. He appears to lose sight that what this law seeks to prevent is a disclosure of official

secret and not to prevent friendly conversation between him and another whether that person be a Member of this Honourable House or any foreigner.

The Honourable Member mentioned that the punishments appear to be out of proportion to the offences but if one bears in mind the damage such disclosure can cause, it is my view the maximum is not severe. I would also add that our law prescribes the maximum punishments only and does not state any minimum sentence. It leaves the discretion to the Court to decide what is the correct sentence having regard to the circumstances and nature of the offence.

With respect to "protected places" and in particular places of detention, the offence relating to such protected places are mainly found in Clauses 3, 4 and 7. The offence will only arise if any of the acts, i.e. spying, making any document or survey or photographing any protected places and for any purpose which is prejudicial to the safety and interests of Malaysia, is Committed. The purpose of this Bill is only to cover acts that come within such purview and not just any act.

The Honourable Member must certainly be naive when he suggested that information relating to places of detention is of no use to an enemy of Malaysia. I do not propose to suggest to this Honourable House how it can be useful but it must certainly be apparent to any right-thinking person.

I think, Mr Speaker, Sir, it is dangerous for us to lose sight of the objects of justice while considering individual liberties. Justice not only demands that the innocent be free but that the guilty be found guilty and punished.

Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan² saya kepada perkara² yang di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 14—

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Pengerusi, saya mohon meniadakan bahawa Fasal 9 di-pinda menurut Kertas Pindaan yang telah di-edarkan kepada Ahli² Yang Berhormat seperti berikut:

Fasal 9 (1) (e) ... Masokkan dalam naskhah Inggeris sahaja perkataan "Office" sa-lepas sahaja perkataan "holding" di-barisan 2 dan 3 perenggan tersebut.

Clause 9 (1) (e) ... Insert in the English text only the word "Office" immediately after the word "holding" in lines 2 and 3 of such paragraph.

Ini ada-lah kesilapan sa-masa menchetak (printing error).

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Fasal 1 hingga 14 sa-bagaimana yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Fasal 15 hingga 31 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PENDAFTARAN NEGARA (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meniadakan ia itu Akta Pendaftaran Negara (Pindaan), 1972 di-bachakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang di-buat di-dalam Akta ini ia-lah bertujuan untuk memanjangkan lagi tempoh bagi sa-saorang membuat pendaftaran sa-mula. Peruntukan di-bawah sekshen 6 (2) (h) yang ada sekarang ini menghendaki sa-saorang yang telah mendapat kad pengenalan sa-belum ia-nya menchapai umur 17 tahun mendaftar sa-mula untuk mendapatkan kad pengenalan baharu dalam masa 5 tahun daripada tarikh ia mendapat kad pengenalan yang pertama. Daripada pengalaman yang sudah², masa 5 tahun itu ada-lah di-dapati sengkak bagi kebanyakan orang ramai hendak mendaftar sa-mula untuk mendapatkan kad pengenalan baharu. Oleh yang demikian ada-lah di-chadangkan supaya tempoh itu di-lanjutkan

sekurang²-nya 6 tahun dan di-tambah dengan atau tempoh tanggohan sa-lama 36 bulan lagi untuk sa-saorang yang mula² mendaftar sa-belum berumur 18 tahun bagi ia mendaftar sa-mula dan mendapatkan kad pengenalan baharu. Lanjutan tempoh ini akan memberi kesenangan dan kemudahan kepada orang ramai terutama-nya kepada mereka yang tinggal jauh dari bandar².

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian ketika mana Meminda Akta Pendaftaran Negara, 1969 ini di-kemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya Rang Undang² (Pindaan) ini bererti Kerajaan akan melonggarkan sedikit tempoh yang di-beri kepada pemegang² kad pengenalan untuk mengambil-nya sa-mula sa-telah pengambilan yang pertama di-jalankan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-chara ringkas saya ingin menyatakan bahawa chara kita mengenakan dua kali kad pengenalan di-ambil oleh ra'ayat di-negeri ini nampak-nya kurang begitu memuaskan sebab kalau kita mengadakan satu chara ia-itu hanya dengan sa-kali mengambil kad pengenalan pun sudah cukup ia-itu ketika mana berumur 12 tahun atau pun 15 tahun dan kalau kita kira mengikut keadaan orang² di-negara kita ini 15 tahun dia tidak begitu banyak berubah untuk ka-beberapa masa yang kemudian. Keadaan sekarang di-mana pada ketika umur 12 tahun terpaksa di-ambil satu kad pengenalan, kemudian umur 18 tahun di-ambil satu kad pengenalan lagi. Ini membebaskan ra'ayat bukan sahaja terpaksa menyusah menghabiskan wang ringgit membayar gambar pendaftaran dan sa-bagai-nya, tetapi perbelanjaan lain perjalanan mereka dari-pada kampung ka-Pusat² Pendaftaran pun memakan belanja yang banyak. Dan sa-lain daripada itu ia-nya mendatangkan beberapa kerumitan dari segi orang ramai. Jadi kira-nya pehak Kerajaan menchari jalan supaya hal kesulitan ini di-rengankan kepada orang ramai dan tidak begitu mendatangkan

kechachatan dalam pentadbiran kita, maka saya rasa ini-lah perkara yang perlu di-buat dan saya pohon kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya di-kaji sa-mula dalam hal ini untuk kebaikan ra'ayat. Terima kaseh.

Tuan V. David (Dato Kramat): (*Dengan izin*) Sir, I wish to make certain observations on this Bill. Sir, there have been numerous cases where persons who are eligible and are qualified to have blue identity cards are compelled to use red identity cards because of certain difficulties faced, firstly, in obtaining their citizenship certificates in time and, secondly, in seeking the necessary corrections in their identity cards. Especially when seeking corrections there is considerable red-tape in the process of obtaining the corrections in the birth certificates. This has resulted in many who are eligible to hold blue identity cards holding red identity cards. I would request the Minister to make the methods as simple as possible so that it would enable the applicants to make the necessary corrections in their birth certificates without going through a great ordeal as it is being experienced at the moment.

Sir, secondly, there are also certain people holding brown identity cards. These brown identity cards are for persons who are normally placed under restricted residence. On their return after serving a couple of years under restricted residence, these people still hold brown identity cards. It takes a number of years and causes great hardships in most cases to obtain normal identity cards in place of the brown identity cards. Sir, if a person is given a brown identity card, it should be only for a specified period and not for an unlimited period. In such cases, the person even after returning to normal life is not permitted to earn his livelihood as other citizens do in our country. I request the Minister to kindly review this matter, that is, any person placed under restricted residence with a brown identity card should the brown card only during the period of two years he is under restricted residence and when he returns to normal life this should be changed.

There are also such cases where persons have committed minor offences during childhood or during the period of youth, and these are taken into consideration in deciding the

desirability of granting citizenship. In many cases, where persons have been local-born and have complied with the requirements of the law, and such persons could have committed minor offences during their teenage, their applications are rejected based on those minor offences. Sir, to me, this is most unfair and unjust. I can, of course, produce a number of cases of this nature. Sir, offences of a minor nature, especially committed during the teenage period should not be a cause or a factor in deciding on citizenship. As a result of this, many of our people are holding red identity cards where normally they should be eligible to hold blue identity cards.

Sir, referring to cases of citizenship applied under Form G, it is of course a policy matter and not an administrative matter. It has been a practice during the last few years for the Government to reject most of the applications made under Form G. Out of 100 applications, 99 are rejected on flimsy grounds, just deliberately preventing persons applying under Form G from becoming citizens. The applicant, of course, complies all formalities and requirements under the Constitution. He goes through the test in Bahasa Malaysia, he takes his declaration and after undergoing all the formalities, the application is kept for a couple of years, and one day the applicant receives a reply that his application has been rejected. This is above administrative decision. I am sure—I am subject to correction—that it is a policy matter where there is a move on the part of the Government to deprive as many applicants as possible applying under Form G from obtaining citizenship. If this is so, then the Government is duty-bound to tell this House that it will not entertain Form G applications in future. As long as the necessary provisions are in the Constitution, Form G applications should be dealt with accordingly—justly and fairly. Any ulterior motive or intention that the Government may have should not be exercised in a manner which places the applicants in a very disadvantageous position.

Mr Speaker, Sir, it is high time that the Government's policy should be made clear in no uncertain terms. We cannot keep on telling the people one thing and doing another as far as the Ministry is concerned. If an applicant visits the Registration Department, he finally finds that the application has been sent to the Ministry of Home Affairs.

In most of the cases, he is positively sure that he will face a disappointment and he will never succeed in obtaining his citizenship. Most of the cases are not thoroughly studied because—I am not sure, but maybe—there are directives given to officers to reject as many Form G applications as possible.

Sir, it is time for the Government to review this matter and make a categorical statement in this House to clearly state their intentions and purposes why large numbers of applicants applying under Form G are being rejected by the Government. Sir, Form G means it is not only for foreign-borns. There are hundreds and thousands of people here who were born during the Japanese period, who have not registered their births and do not possess birth certificates. In such cases, not remembering the dates of birth—in most cases they also have lost their parents—they are unable to produce certificates of birth; they apply under Form G and they become the victims of the manoeuvres and manipulations conducted by the Government to reject their applications.

Sir, in all fairness, I call upon the Minister, and I crave his indulgence, to see that something can be brought about—a definite policy as far as Form G is concerned, that they will deal with the applications in a more just and fair manner. The constitutional right of the individual should be protected. If the Government acts in this manner, then it is a contravention of the provisions of the Constitution which the Government itself should guard against being abused.

Mr Speaker, Sir, the red identity cards possessed by people can be largely reduced and the anomalies can be rectified if the Government lays down a guiding policy on citizenship and also in the correction of birth certificates. If this can be regularised, I am sure many in this country would be holding blue identity cards instead of red.

I once again appeal to the Minister to review this matter in the light of what has been said in this House, to safeguard the interests of the public and also to safeguard the name of the Government where the Government seems to be abusing the powers which are invested in its hands. Thank you, Sir.

Tuan Chan Fu King (Telok Anson):
(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I wish to say a few words on this Amendment Bill.

There are great delays throughout the country in renewal or replacement of identity cards. I can speak with some knowledge as I have visited many towns and new villages in various States, to help the people with their problems of identity cards, citizenship, etc.

Last year, a 21-year old girl came to see me and complained that she had been waiting for the renewal of her identity card for the last three years, and she had not heard from the Registration Department. When I took up the matter, the girl was asked to re-apply and about 8 months later, she was issued with her new identity card. I speak from experience when I say that the replacement and renewal of identity cards take too long and it is not uncommon for them to take one or two years. Sometimes, supporting documents such as citizenship certificates and birth certificates get lost during this long delay. I therefore urge the Government to issue a directive to speed up the renewal or replacement of identity cards.

One way to bring this about is by appointment of more Registration Officers so that every town will have a Registration Officer. For instance, as of now, there are some big towns where there are no Registration Officers, such as Kampar, Tapah and Kluang. In places where there are no Registration Officers, the Registration agents will not verify the supporting documents and have to send them up to the headquarters in Petaling Jaya. This is one way how documents can be lost. It must be appreciated that documents are very important papers for everybody and a person who loses any of his personal documents such as birth certificate or citizenship certificate will be put to great inconvenience.

Finally, I suggest that the Government should put the temporary clerks in the Registration Office on a permanent establishment so that the clerks will take a greater interest in their jobs. Many of the temporary clerks have worked in the Registration Office for a long time and it is only right that they should be absorbed into the Government Service. Thank you, Sir.

Tuan Loh Jee Mee (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang² ini dan saya minta izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Sir, there have been a lot of complaints about the delay in the issue as well as renewal of identity cards. I am fully aware, Sir, that of late, the Department concerned has increased its staff to cope with the rush or the backlog of applications. It is here that I wish to compliment the Perak State Registration Department for their new arrangement, thus improving the administration in as far as applications or renewal of identity cards are concerned.

It is with deep regret that I have to speak with regard to the Selangor State Registration Department. The Selangor State Registration Department is in a state of chaos. I am not exaggerating, Mr Speaker, Sir. For that matter, anyone who pays a visit to that Department will certainly confirm my allegations. I therefore call upon the Government to re-organise the whole set-up there.

I strongly feel that more Registration Officers should be posted to the various small towns in order to expedite the various applications. As I mentioned earlier, there have been lots of complaints about the delay in the issue as well as the renewal of identity cards.

Sir, these Assistant Registration Officers should be posted to the small towns where they have their offices there. But at present the agents or clerks in these towns are merely doing the job of a post office. It is in this respect that many important documents such as citizenship certificates, birth certificates, etc., have been mislaid or lost. Sir, I, therefore, call upon the Ministry concerned to look into the matter and remedy it.

I have also a very important point to which I would like to draw the attention of the Ministry concerned and that is with regard to the amendment of names in the citizenship certificates of the Chinese citizens in this country. I strongly feel that a special department should be set up to study the problem that is facing these people. We have in the past so many years encountered many problems regarding amendments of names amongst the Chinese. As we all know, the Chinese have many dialects: Hokkien, Cantonese, Teochew, etc. But in the case of many of these people, through no fault of their own, their names were wrongly written in their birth certificates. For instance, in the case of a Cantonese, whose surname of

"Chong" should be spelt as C-H-E-O-N-G but, as I have said, through no fault of his, his name is written in his birth certificate as Teoh—T-E-O-H—which should be so from the Hokkien dialect. Therefore, these people are now facing the very problem where, as I have said earlier, there are lots of complaints of undue delays through no fault of their own. I strongly feel that a special department should be set up to study this matter, a department of clerks or officers who know the background of the Chinese dialects. I fully understand that it is the Government's duty to study all aspects of applicants before approving amendments of names. Therefore, in this respect, I strongly call upon the Ministry concerned to look into this matter. Thank you.

Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (Lubok Antu): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I would like to speak a few points on the National Registration (Amendment) Bill, 1972. I wish to point out in this House some very important aspects of the works carried out by the National Registration in Sarawak, which are of express concern to the natives there. There are a great number of natives born in Sarawak before Malaysia Day in 1963 who are still holding red identity cards. We have pointed this out on several occasions in this House and have obtained Ministerial assurances that individual cases will be treated according to merit. But when this is translated at the grass-root level in District Offices by the Registration clerks, they cannot do much in the absence of any provisions in the National Registration Ordinance. What they want is a clear discretion that they may dispense with written evidence of birth, because a great number of the natives in Sarawak do not have their birth certificates.

Mr Speaker, Sir, there is a case of parents with Malaysian citizenship who may be visiting relatives in Indonesian Borneo and the mother giving birth to a child there. We feel that this child should automatically be a Malaysian citizen. There are cases of parents who had gone to Brunei to work in the Shell Company there and who returned to find themselves with red identity cards later. I, therefore, take this opportunity to request the Ministry of Home Affairs to consider making special provisions in the issue of identity cards to the natives in Sarawak and to give preference to those who have obtained

recommendations from a Police Officer, the District Officer, the Penghulu and the Ketua Kampong. There are cases of Indonesian natives who had married and who have grown-up children in Sarawak, but who still find that because of the accident of their birth-place being outside Sarawak, they are still considered aliens and still subject to periodic check-ups by the Immigration authorities. The officials are often sympathetic, but their hands are tied in the absence of any direction on how to act in cases where they personally know that the applicants for citizenship do merit consideration and approval.

Mr Speaker, Sir, there is the case of a native from an ulu longhouse who had come down to obtain an identity card. He had no birth certificate and had to go back to the longhouse to get his Ketua Kampong to make a statutory declaration. He waited so many months for the issue of his birth certificate before he could apply for an identity card. Then he waited for a few more months before he obtained his identity card. To obtain an identity card in this way often takes about a year and it may cost a poor native so many trips to the nearest Government office, which he cannot possibly afford.

Mr Speaker, Sir, I call on the Government to send travelling Registration clerks and Information Service photographers to the ulu longhouses and isolated kampongs in order to carry out the issuing of identity cards to the people instead of the poor rural people coming down at great costs and inconveniences to the nearest Government office to get one identity card. This will greatly assist them, especially in Sarawak where identity cards, in some areas under security operation, may mean the difference of going free or being detained by the Security Force personnel who are operating, or, worst, getting shot. Thank you.

Tuan Joseph Valentine Cotter (Bau-Lundu): Tuan Yang di Pertua, saya bangun mengambal kesempatan dan menyokong Rang Undang² Akta Pendaftaran Negara, 1959 ini.

Dengan ada-nya pindaan Rang Undang² ini di-longgarkan, saya mengucapkan banyak² terima kasih kepada Menteri yang berkenaan. Undang² ini ada-lah amat penting untuk keamanan dan keselamatan rakyat dan negara kita ini dan di-beri

ingatan lagi kepada siapa² sahaja yang sudah sampai umur-nya mesti-lah di-adakan kad² pengenalan-nya ini. Jangan di-nanti² kan oleh sebab kadangkala kita sampai ka-pejabat itu penoh sesak oleh manusia dan menunggu dua atau tiga jam, kadangkala langsung tidak dapat, jadi terpaksa kembali pada esok hari-nya lagi.

Hal yang sa-macham ini ada selalu berlaku umpama-nya di-Kuching National Registration Department. Di-samping itu juga ada ramai orang² kampung yang jauh, dari bandar datang ka-Pejabat itu dan menunggu masa satu atau 2 hari. Sungguh pun begitu lama menunggu kadangkala langsung tidak dapat buat apa², jadi ini-lah yang menyebabkan kelambatan berkenaan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya bahawa kaki-tangan² atau staff di-pejabat itu patut di-tambahkan dan alat² yang penting untuk bekerja seperti printing machine dan lain² yang moden patut di-beli supaya kerja itu ada-lah senang sedikit dan dengan sa-chepat-nya.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit pandangan berhubung dengan perjalanan yang sedang ada sekarang ini berhubung dengan chara² mengeluarkan kad pengenalan juga berkenaan dengan surat beranak dan perkara² yang berkaitan dengan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana boleh di-katakan sa-tiap hari wakil pendaftaran yang terletak di-kawasan saya sangat² berhampiran dengan pejabat saya sendiri di-Besut, jadi sedikit sa-banyak, Tuan Yang di-Pertua, saya dapat lihat dengan mata saya sendiri masaalah² yang di-hadapi oleh orang ramai tentang ada beberapa perkara yang saya fikir boleh di-pinda dan di-perbaiki oleh Kerajaan tentang chara² hendak melekaskan pemberian kad pengenalan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kalau sa-saorang mempunyai anak, anak itu di-lahirkan sa-lepas tarikh kemerdekaan dan anak itu maseh bersekolah tentu-lah tidak menghadapi banyak kesukaran. Tetapi kalau sa-saorang ibu bapa itu mempunyai anak dan anak itu sudah pun berhenti daripada persekolahan dan umur-nya pada masa yang hendak di-buat kad pengenalan itu lebih

daripada 13 tahun maka sudah tentu dia akan menghadapi beberapa kesukaran.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, apabila sa-saorang itu pergi ka-Pejabat Pendaftaran dia akan menerima 2 keping borang: satu borang di-kehendaki di-sahkan oleh sa-orang yang di-perchayai atau orang yang ternama tentang benar-nya kanak² itu tidak bersekolah dan yang kedua dia terpaksa mendapat pengesahan daripada dua orang yang ternama tentang sebab² kenapa kanak² ini tidak buat kad pengenalan di-dalam tempoh 12 tahun—dalam masa dia berumur 12 tahun. Apa yang saya hendak sebut di-sini, Tuan Yang di-Pertua, mengenai borang yang kita minta orang ramai mengisinya. Ada satu perkara yang saya nampak terlampau ganjil, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu sa-lain daripada di-kehendaki sa-saorang itu mengisi anak yang hendak membuat kad pengenalan itu ada satu ruangan ia-itu di-kehendaki mengisi nama saudara yang tertua daripada kanak² yang hendak membuat kad pengenalan itu. Katakan-lah, Tuan Yang di-Pertua, sa-saorang yang hendak membuat kad pengenalan itu dudok-nya di-Kuala Lumpur ini, saudara yang tertua dudok di-Pulau Pinang, maka pada masa hendak di-buat kad pengenalan itu, mahu tidak mahu terpaksa dia chari kad pengenalan saudara yang tua itu untuk di-masokkan ka-dalam ruangan yang di-sediakan. Kalau tidak, maka permohonan itu tidak dapat di-terima oleh wakil pendaftar.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, ini sudah melampau batas kerana apa yang hendak di-persahkan ia-lah surat beranak yang berkenaan, pengakuan daripada ibu bapa atau pun penjaga dan pengesahan daripada orang yang di-kehendaki dalam borang itu mengatakan orang yang ternama. Saya rasa, sudah menchukopi kalau sudah di-persahkan oleh orang itu dengan tidak payah lagi-lah di-bawa kad pengenalan saudara yang tertua kepada si-pemohon yang berkenaan.

Kemudian mengenai dengan surat² beranak. Apabila sa-saorang hendak membuat kad pengenalan dan mustahak menunjukkan surat beranak. Oleh kerana surat beranak ini sa-saorang itu di-lahirkan bapanya boleh mereport di-mana² balai polis dan di-rumah Penghulu dan orang yang menerima report ini terdapat berbagai² chara, sama ada tulisan mahu pun ejaan dan berbagai²-nya chara lagi. Ada sa-tengah orang menulis Mohammad dengan perkataan MOHAMED,

ada orang menulis MOHAMAD dan lain² cerita. Jadi kadang² barangkali kesibokan yang berlaku di-balai polis, atau pun di-rumah Penghulu, terchatet-lah nama² yang tidak betul, nama bapa dan nama ibu yang tidak sama seperti yang ada dalam kad pengenalan ibu atau bapa tertul's di-dalam surat beranak anak-nya. Apabila sampai tempoh hendak di-buat kad pengenalan bila di-bandingkan dengan nama ibu dan nama bapa yang ada dalam surat beranak itu tidak bersamaan dengan kad pengenalan bapa dan ibu tentang ejaan, maka di-kehendaki supaya orang itu membuat surat sumpah. Kapada saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kesilapan nama bapa kita boleh terima perlu di-buat sumpah kerana si-anak itu hendak di-taroh-nya dengan bin bapa, tetapi kalau kesilapan nama mengenai dengan ibu, saya rasa tidak perlu di-buat sumpah sebab anak itu tidak hendak di-taroh binti kapada ibu anak itu, hendak di-taroh bin kapada bapa—jadi tidak ada kena-mengena. Nama anak itu hendak di-taroh bin bapa dan tidak hendak di-taroh binti ibu. Saya fikir tidak kena-mengena, kalau hanya kesilapan mengenai nama ibu sahaja hendak di-suroh juga bersumpah sa-masa kanak² itu hendak di-buat kad pengenalan.

Kemudian satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, sa-saorang itu pada masa lahir-nya tidak mereportkan kelahiran dan pada masa sekarang ini umur-nya sudah meningkat 15 atau 16 tahun, maka mengikut undang² yang ada sekarang ini, kalau dia hendak membuat kad pengenalan terpaksa-lah kanak² tadi membuat permohonan untuk mendapatkan surat beranak di-bawah peratoran lewat kelahiran. Sa-masa hendak mendapatkan sijil beranak di-bawah lewat kelahiran di-kehendaki akuan daripada Penghulu mukim, atau pun orang ternama, pengesahan daripada bidan yang membidan bila kanak² itu di-lahirkan, kalau kanak² itu bersekolah surat sokongan daripada guru besar dan ibu bapa yang berkenaan di-kehendaki bersumpah.

Sa-sudah selesai di-buat bagini di-hantar-kan kapada pegawai yang berkenaan. Kemudian di-panggil temuduga. Sa-masa di-jalan-kan temuduga bukan sahaja di-pereksa oleh Pegawai Pendaftaran, tetapi juga di-pereksa oleh pegawai dari Jabatan Immigreshen. Saya berpuas hati dengan chara yang seperti ini, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apakala kanak² tadi sudah mendapat sijil kelahiran

di-bawah “Peratoran Lewat Kelahiran” dan dia pun memasoki permohonan untuk mendapatkan kad pengenalan, maka dia lagi sa-kali di-temuduga untuk mendapatkan sebab² kenapa lewat buat permohonan untuk mendapatkan kad pengenalan dan di-temuduga sa-kali lagi oleh pihak Pejabat Immigreshen dan dalam soalan-nya, kalau tidak silap saya ada tiga belas soalan, atau pun lapan belas soalan yang di-hadapkan kapada sa-orang yang membuat permohonan itu tadi. Kalau orang yang menerima soalan itu, Tuan Yang di-Pertua, orang yang senang, orang yang boleh membaca/menulis, Pegawai² Kerajaan, tidak menjadi hal, tetapi benda yang seperti ini kebanyakan-nya terlibat kapada orang² yang tinggal di-kawasan pendalaman, orang² yang sa-bilangan besar-nya buta huruf, maka merayau-lah orang ini, menchari tempat di-mana ada orang yang boleh menolong menjawab lapan belas soalan tadi.

Saya nampak di-dalam soalan² itu benda yang titek-bengek sangat, Tuan Yang di-Pertua; bukan-lah perkara² yang besar yang di-tanyakan di-dalam 18 atau 17 soalan itu. Saya berharap kapada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya perkara² yang di-anggap menyebabkan kelewatan untuk memproses permohonan daripada orang ramai ini dapat di-chari jalan mengatasi-nya supaya orang ramai tidak lagi mengatakan Kerajaan yang ada sekarang ini maseh lagi mengamalkan red-tape.

Kemudian, perkara yang akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya rasa hairan; apa-kah benda yang sa-benar-nya berlaku dalam Pejabat Pendaftaran di-Ibu Pejabat Petaling Jaya, Kuala Lumpur ini? Katakan-lah kalau sa-saorang itu membuat permohonan untuk mendapatkan kad pengenalan, maka permulaan-nya di-beri—di-katakan surat akuan sementara, atau pun di-panggil-nya N.R. 7. Di-dalam surat itu di-terangkan tiga bulan boleh-lah dapat. Apabila sampai masa-nya ibu bapa yang berkenaan pergi berulang alek ka-Pejabat Pendaftaran atau wakil pendaftaran yang ada, kadang² tepat dengan tarikh yang di-tulis di-situ, kadang² tidak tepat. Yang tepat kita ucapkan terima kaseh kapada pegawai yang berkenaan, tetapi ini yang tidak tepat, Tuan Yang di-Pertua. Sa-lepas tiga bulan, tiga bulan, sampai tiga bulan, sampai sa-tahun, sampai dua tahun, sampai tiga tahun, sampai empat tahun pun ada, Tuan Yang di-Pertua.

Apabila di-tanya, maka jawapan-nya: Sila buat permohonan lain. Erti-nya permohonan yang asal itu hilang. Kalau satu permohonan itu hilang, kita boleh terima, sebab manusia ini tidak sunyi daripada salah dan silap, walau Pegawai Kerajaan pun, tetapi kalau sudah berpuluh² hilang di-Ibu Pejabat di-Kuala Lumpur ini, bukan hilang di-peringkat Negeri, tetapi hilang di-Ibu Pejabat, erti-nya ada satu permainan, ada satu masalaah yang patut di-awasi oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di-Ibu Pejabat di-Petaling Jaya.

Saya berani mengatakan bagini, Tuan Yang di-Pertua, tidak kurang daripada 20 puchok surat telah saya menulis kepada pegawai yang penting di-Ibu Pejabat di-Petaling Jaya, apabila di-desak oleh orang ramai tentang masalaah yang di-hadapi, kerana masalaah kad pengenalan, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang benar² menghadapi kepada murid² yang hendak memasuki peperiksaan. Apabila dia hendak memasuki peperiksaan L.C.E., kad pengenalan-nya belum ada. Hendak memasuki Peperiksaan S.P.M., kad pengenalan-nya belum ada; hendak di-taroh nombor kad pengenalan-nya itu di-dalam senarai nama² chalon, tidak dapat, maka budak tadi menangis, Tuan Yang di-Pertua, tidak kena gaya, hingga di-sekat guru-nya kadang² mengatakan yang dia tidak boleh memasuki peperiksaan.

Ini-lah yang menyebabkan banyak orang di-kawasan saya datang menemui saya dan saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, tidak kurang daripada 20 puchok surat telah saya tulis, hatta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri melaporkan masalaah ini, tetapi apa yang saya terima, jawapan-nya, kadang² salinan-nya di-beri kepada saya—di-tulis kepada orang yang berkenaan: Tuan di-nasehatkan membuat permohonan baharu. Apabila di-tanyakan kenapa, kenapa kanak² ini di-kehendaki membuat permohonan baharu sa-telah lima tahun permohonan lama tidak di-jawab. Jawapan-nya: “Surat tuan selamat di-terima, dalam perhatian”. Itu jawapan-nya apabila di-tanyakan, kenapa sa-sudah lima tahun orang ini membuat permohonan, kemudian tidak dapat di-beri, sekarang ini bila di-tanya ka-mana pergi permohonan dia, dan apa sebab supaya di-buat sa-mula. Dia

jawab: “Surat tuan selamat di-terima, dalam perhatian”. Jadi, lagi ulangan di-tanya, itu juga yang saya terima.

Maka itu-lah yang saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, ada sa-suatu yang tidak dapat di-terangkan oleh pegawai itu sebab²-nya. Saya harap kepada Yang Berhormat Menteri tolong terangkan di-dalam Dewan ini apakah sebab yang sa-benar-nya terjadi demikian dan kalau tidak dapat di-terangkan tolong-lah ambil satu perjalanan yang agak berkesan di-Ibu Pejabat supaya perkara yang saperti ini tidak menyusahkan orang ramai sa-chara berpanjangan.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil sedikit bahagian di-dalam perbahathan ini dan saya minta izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I just wish to raise one point. I would like to take this opportunity to urge the Registration Department to speed up its work, to increase its efficiency, because there is an inordinate delay throughout the country. In the case, for instance, of an application under Form E for citizenship—those who are born here with birth certificates—invariably you find they take two, three or even four years before they get a final processing by the Department concerned. I think three or four years to deal with a citizenship application is really too long and it reflects no credit on the Government or on the Citizenship Department concerned.

In the past, Mr Speaker, Sir, such applications under Form E, for instance, were processed within a period of nine months and I do not understand why there should be a retrogression, a going backwards, in efficiency in the processing of these applications. I would therefore call on the Minister concerned to look into this matter. I think no application for citizenship under Form E—or any application—should take longer than six months for its entire processing and I would urge the Government to look into the entire Government machinery so that every citizenship application can be dealt with within six months, processed within six months, and that is what we will call an efficient Government. If a few years ago it could be processed in nine months, I do not see why they can't

do it in six months now, especially with a new Government, with a new spirit, with a new attitude of service to the people. But instead of nine months coming down to six months, we have nine months prolonged to three years or four years. We find, therefore, as a result of this that throughout the country thousands of applicants who have gone through their Malay test are still waiting month after month, year after year for the outcome of their applications.

In fact, my colleague, the Honourable Member for Telok Anson, has just told me that he has got a case under Form E since 1968 and I think, Sir, a stop must be put to this. In the case of those who applied under Form B, under Article 15 (2), that is children of citizens who are themselves applying to be citizens, the same inordinate delay takes place. They wait one, two or three years without any news as to what has happened to their application, when again in the past it needed only nine months to process and complete the matter. Therefore, I would urge that there should be a thorough overhauling and complete reorganization—increase more staff, if necessary—so that applications for citizenship throughout the country can be processed speedily, within a period of six months.

Finally, I would like to take this opportunity to ask the Minister to clarify the question of Article 30 citizenship certificates which was raised earlier, which, I am afraid, left more doubts than light. The Minister said that after the deadline—I think it was by the end of September—for verification of Article 30 citizenship certificates by the Registration Department, the Government knows those who have not verified and who have got their citizenship by improper means, and the Government would write to them and advise them that they should reapply under the proper clauses. The question is, firstly, what is the position, after the deadline, of all holders of Article 30 certificates? Secondly, if the Government knows as to the categories of people who have not verified their Article 30 certificates and would inform them in cases where their citizenship is not valid, what is the position of the other categories of people whose certificates are valid, i.e. those who do not receive any communication from the Government? I hope the Minister can take this opportunity to clarify, because otherwise there is going to be a lot

of uncertainties, doubts and anxiety in the minds of many people. That is all I wish to say. Thank you.

Tuan Haji Mohd. Chik Johari Ondu Majakil (Labuan-Beaufort): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan sepenuh-nya Akta Pendaftaran Negara (Pindaan), 1972 ini.

Tuan Yang di-Pertua, penukaran kad² pengenalan di-Sabah ini sedang di-jalankan dengan lancar-nya pada masa ini, dan kita harap boleh di-selesaikan dengan tidak berapa lama lagi. Apa yang saya suka menarek perhatian kepada Kementerian yang berkenaan ini ia-lah, orang² atau warga-negara² yang sedang meningkat umur 70 atau 80 tahun itu boleh jadi mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, di-kampung saya sendiri ia-itu Ketua Kampong, atau Penghulu ia-lah berumur chuma 30 tahun dan orang yang akan meminta kad pengenalan ia-lah sudah meningkat 70 atau 80 tahun yang mana di-kehendaki oleh Undang² si-peminta itu mahu-lah membuat surat sumpah yang akan di-tanda-tangani oleh Penghulu, atau Ketua Kampong itu, jadi macham mana Ketua atau Penghulu itu dapat mengetahui orang yang sudah meningkat 80 tahun itu, kerana lahir di-tempat itu atau di-mana pada hal mithal-nya dia itu sendiri lahir di-tempat itu. Saya ingat daripada hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta-lah Kerajaan jikalau boleh mengechualikan orang² yang sudah meningkat umur yang mana yang saya sudah sebutkan tadi itu daripada mendapat kad pengenalan.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini banyak warganegara² kita ini bekerja di-Brunei dan warganegara kita ini ia-lah memegang paspot atau citizenship Malaysia ia-itu kedua² ibu dan bapa-nya, tetapi apabila mereka mendapat anak di-tempat itu—di-tempat bekerja itu, anak itu pula tidak boleh mendapat warganegara Malaysia. Apabila datang masa-nya mereka itu akan kembali ka-tanah ayer maka anak itu pula tidak di-benarkan masuk ka-Malaysia kerana anak itu di-lahirkan di-tempat lain—di-luar daripada Malaysia. Saya minta kepada Kerajaan, atau pun Kementerian yang berkenaan mengkaji perkara² yang tersebut itu yang sedang di-hadapi oleh warganegara kita yang sedang bekerja di-luar negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): Sir, I wish

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Belum diizinkan lagi!

Tuan Goh Hock Guan: Minta izin, Tuan Speaker.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diizinkan sekarang.

Tuan Goh Hock Guan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *(Dengan izin)* Sir, I would like to raise three matters in connection with this Bill in order to make it easier for members of the public, firstly, to obtain their identity cards; secondly, to make the possession of a blue identity card more meaningful; and the third matter I would like to raise is the question of putting under one roof all Government Departments which are related to the issue of the national identity cards.

I refer to Departments which look after the birth certificates, stamps, which are often required by the applicants for identity cards, translation services, etc. because if an applicant now goes to a Registration Office, he would frequently find that he needs all kinds of other documents and stamps from Departments which are not housed under the same roof, as a result of which he has got to come back again and again and for a poor applicant this could mean loss in terms of time and money. So this would be a service to the people in Kuala Lumpur if the Government could put everything related to the issue of identity cards under one roof. That is for the urban areas, Sir.

But for the rural areas, in West Malaysia and East Malaysia, it is essential that Government undertakes upon itself the provision of mobile services: in other words, all Government Departments put inside one mobile van and go round the countryside, either from one longhouse to another or from one new village to another or from one kampong to another. In other words, bring service to the people—the Government goes to the people. That should be the principle, and not the people coming to the Government.

The second point, Sir, concerns the question of requiring persons who have

obtained identity cards before attaining the age of 18 years to re-register within a period of 36 months. Now, Sir, the question is this: what is the reason which requires a person who is already the holder of a blue identity card having to go through the rigmarole, the inconvenience, of having to re-register again? That is the first point, Sir. The second point is that, if this is required, if there is a good reason for such a necessity, why could it not be possible to allow the people to re-register at any time they want? In other words, at their convenience rather than within a period of 36 months. I do not know what is the penalty if the unfortunate chap were to forget to re-register himself to get a new identity card. I hope the Minister would clarify this point in his reply.

Finally, Sir, the third point. Sir, in applying for a passport to go overseas or in renewing a passport, applicants invariably are asked to produce not only their birth certificates but also their identity cards. Sir, the question which I would like to ask is this. Surely, if one of the documents is produced, that is, either the blue identity card, which surely must be conclusive evidence that the applicant is a Malaysian citizen, or the production of the birth certificate, which again must be conclusive evidence that the person is a Malaysian citizen, that is enough requirement for a person to get a passport or to renew his passport, rather than the present requirement which compels the applicant to produce all the documents—birth certificate, identity card, the whole lot of them—and if he forgets to produce either one, then it starts all over again. So, Sir, these are the three points I would like to raise.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah menyokong Rang Undang² ini, tetapi chuma saya hendak berchakap sedikit sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tolong pendekkan ucapan itu, Ahli Yang Berhormat.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Pendek sahaja, tetapi tepat. Kewarganegaraan ada-lah satu perkara yang penting. Kewarganegaraan ini untuk mendapat-nya macham mendapat sayor. Saya fikir, kalau bagini gaya-nya susah kita nanti. Jadi kalau

hendak memberi kewarganegaraan kepada sa-saorang, mesti-lah di-siasat betul², oleh kerana di-dalam Rukunegara kita ada menyebutkan lima perkara. Mereka ini mesti-lah tahu berkenaan dengan Rukunegara kita ini. Dan kita mesti tahu ia-itu orang² ini baik, siapa pun, dia mesti betul² ta'at setia kepada negeri ini, tidak berpaling balek ka-tempat asal-nya, walau ka-negeri Eropah, Amerika, India, China, Indonesia dan sa-bagai-nya, baharu-lah dia boleh berkorban bermati²an mempertahankan tanah ayer kita ini dan mengikut dasar² kita dan ta'at setia kepada Raja² kita. Tetapi jikalau mithal-nya senang sahaja mendapatkan kewarganegaraan negeri ini, maka dengan sendiri, dengan senang² sahaja menchampakkan sijil kewarganegaraan ini. Jikalau sa-saorang itu hendak pergi ka-India, jikalau hendak pergi ka-negeri China dan hendak pergi ka-England, senang² sahaja; pulangkan balek, oleh kerana ini senang di-dapati, senang di-pulangkan. Banyak perkara yang samacham ini telah terjadi. Oleh kerana negeri kita ini kaya-nya, maka banyak yang hendak menjadi warganegara, tetapi kalau negeri ini susah, maka balek-lah ka-negeri asal-nya. Jadi bukan kita hendak menghapuskan—tidak. Tetapi kita yang ta'at setia kepada negeri ini walau apa bangsa sa-kali pun dalam masa dharurat, dalam masa konfrantasi dan dalam segala²-nya, maka kita berkehendakkan warga-negara yang sedemikian.

Maka dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya harap kepada pehak yang bertanggung-jawab, ia-itu tiap² satu negeri mengadakan satu examination hall di-mana semua orang, siapa² sahaja yang berkehendakkan kera'ayatan, dia mesti-lah pergi ka-situ satu hari, satu masa, tiga bulan sa-kali-kah, si-pemohon itu dia datang ka-tempat itu, di-situ-lah dia di-tanya di-atas perkara² apa yang kita kehendaki. Di-situ-lah lulus atau tidak-nya dia. Jadi kalau tiap² satu daerah di-adakan, maka ada sa-tengah² yang berbahasa kebangsaan, "Lu mana tinggal?" "Apa Kerja?" Kalau begitu sahaja kedudukan-nya, susah-lah. Dia mesti-lah di-tanya chara betul² dalam Bahasa Kebangsaan, bukan-lah yang pelek², tetapi yang senang² di-tanya kepada mereka ini. Oleh kerana orang² ini pada masa yang akan datang menjadi warga-negara yang sa-benar²-nya yang boleh

berkorban untuk negara ini. Saya bukan-lah mengatakan ia-itu tiap² orang yang duduk dalam negeri ini boleh menjadi warganegara, dia mesti dapat kewarganegaraan. Tetapi dia mesti-lah betul² ta'at setia kepada negeri ini. Itu-lah dia chadangan saya. Jikalau mithal-nya pada hari² yang akan datang, saya juga tidak-lah mengatakan ia-itu hendak mendapatkan kewarganegaraan ini, maka hendak lekas² sangat; dalam masa dua bulan, atau tiga bulan hendak di-dapati. Ini mesti-lah di-tengok betul², di-siasat betul² dan mengikut Artikel 30 yang telah di-rampas tadi, kewarganegaraan ini hendak-lah di-tengok betul² ia-itu apa sebab-nya dia berbuat begitu, apa sebab-nya di-rampas. Jikalau mithal-nya dia buat bohong di-atas pertanyaan² untuk mendapatkan kewarganegaraan itu, apa hukuman-nya kepada orang² begitu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Saya bangun, Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong Rang Undang² Pendaftaran Negara yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan apa yang saya hendak bangkitkan mungkin belum lagi di-bangkitkan oleh rakan² sejawat saya.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, ada ra'ayat dalam negeri ini yang tidak ada mempunyai surat beranak, yang tidak ada mempunyai kad pengenalan walau mereka itu telah berumur 20 tahun, 30 tahun, terutamanya sa-kali ra'ayat di-luar bandar. Dan ada anak² mereka juga yang tidak mempunyai kad pengenalan. Yang menjadi mudarat-nya, Tuan Yang di-Pertua, anak yang tidak ada kad pengenalan ini, anak yang tidak di-daftarkan beranak ini, anak ini ibu bapa-nya takut menghantarkan ka-sekolah. Dan kepada mereka yang anak-nya ini tidak mempunyai kad pengenalan, Tuan Yang di-Pertua, dia takut keluar daripada bandar. Jadi manusia yang tidak ada kad pengenalan ini mendatangkan satu ketakutan kepada keluarga-nya. Maka datang-lah, satu gulongan yang tidak bertanggung-jawab menda'awakan diri-nya dia boleh menyelesaikan kad pengenalan ini. Maka orang yang takut ini menyerahkan-lah segala usaha-nya. Bukan sahaja dia serahkan usaha-nya, tetapi di-serahkan wang beratus² ringgit, ada yang sampai beribu ringgit. Tetapi akhir-nya apa yang di-harapkan oleh mereka ini tidak berjaya. Saya harap pada masa yang akan datang sa-kira-nya berlaku keadaan yang

sa-macam ini, Kerajaan memberi kelonggaran kepada mereka ini dengan mengatakan ada daftar lewat; di-berikan urusan ini kepada Ketua Kampong, Sidang atau Penghulu² supaya perkara yang sa-macam ini benar² terus daripada Kerajaan kepada Kerajaan.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, orang² yang di-daftarkan lewat berumur 21 tahun, 20 tahun, dia tidak ada kad pengenalan. Tetapi mereka ini hendak di-nikahkan, mereka sudah 21 tahun. Jurnikah itu enggan menikahkan, oleh sebab tidak ada kad pengenalan. Jadi masalah yang macham ini, saya harap Kementerian ini dapat bekerjasama dengan Jabatan Ugama tiap² negeri supaya memberikan kelonggaran boleh di-nikahkan mereka ini supaya lepas kita tanggong-jawab dalam masalaah ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang selalu berlaku, orang meminta kad pengenalan, kad pengenalan itu bertimbun di-pejabat, tetapi tuan punya anak² itu tidak mengambil kad-nya. Ini mendatangkan satu kesulitan kepada Jabatan Pendaftaran tiap² daerah.

Yang kedua, boleh jadi mereka ini duduk di-kampong, ulu², jauh. Hendak ka-bandar memakan belanja yang banyak dan khuatir boleh jadi dia tidak dapat kad pengenalan. Apa yang saya mengutarakan dalam masalaah ini supaya Kementerian ini dapat memberikan suatu kuasa kepada Penghulu² boleh menyerahkan kad pengenalan ini kepada anak² buah di-mukim masing² juga kepada Pengerusi Majlis Tempatan di-Kampong² Baharu. Dengan ini kad pengenalan yang berlambak² di-Jabatan Pendaftaran itu akan dapat di-atasi.

Yang akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, rombongan pendaftaran ini yang pergi ka-kampong², kita ucapkan terima kaseh dan beberapa perkara sekarang dapat di-selesaikan, orang ramai tidak berapa bersungut lagi. Ini satu perkara yang saya berharap sambil dia datang itu tolong bawa setem, sebab di-kampong² sangat susah hendak mendapatkan setem. Dengan keadaan rombongan ini, pegawai Jabatan ini membawa setem, urusan dalam mendaftarkan kad pengenalan di-kampong itu dapat di-selesaikan.

Sekian-lah sahaja. Terima kaseh.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahathan berkenaan dengan Rang Undang² ini dan saya mengambil peluang sedikit untuk menjawab sa-tengah² perkara yang telah di-bangkitkan oleh beberapa Ahli² Yang Berhormat.

Pada mula-nya saya suka hendak menjawab berkenaan dengan tegoran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun yang berkata bab peratoran supaya menyampaikan orang yang kena mengambil dua kali kad pengenalan. Ini, Tuan Yang di-Pertua, di-sebabkan apabila sa-orang kanak² berumur 12 tahun apabila mengambil gambar maka apabila ia dewasa berumur 18 tahun, maka rupa-nya ada-lah berubah sa-dikit daripada gambar yang asal sa-masa ia-nya berumur 12 tahun. Dengan sebab itu-lah maka mustahak yang sa-saorang itu apabila chukop umur 18 tahun menukar kad pengenalan baharu bagi menggantikan kad pengenalan lama yang telah di-ambil samasa ia berumur 12 tahun. Ini mengelakkan daripada kekeliruan yang akan timbul kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Dato' Kramat sa-kali lagi menggunakan kesempatan ini untuk menchercha Kerajaan tentang kelambatan atau pun tentang penolakan permohonan²-nya di-bawah Fasal 19 Perlembagaan. Soal ini sudah beberapa kali di-ulangi dalam Dewan yang mulia ini dan beberapa hari yang sudah telah pun di-jawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga ada-lah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Jadi ta' perlu lagi saya menjawab hal ini chuma hendak menambah sedikit sahaja ia-itu Ahli Yang Berhormat itu mengatakan chuma 1% sahaja dari permohonan² di-bawah Artikel 19 itu di-luluskan. Sa-benar-nya beliau mendapat angka² ini dengan chara melulu sahaja. Sa-benar-nya tidak-lah begitu, Tuan Yang di-Pertua, malahan segala permohonan² yang di-buat ada-lah di-tapis dengan teliti dan di-kaji dengan halus-nya dan apabila di-dapati puas hati, maka baharu-lah Kementerian ini meluluskan dan tidak-lah sa-bagaimana yang di-tudoh oleh Ahli Yang Berhormat ia-itu 99% daripada permohonan-nya ada-lah di-tolak. Ini saya nafikan dengan sa-keras²-nya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat juga telah membawa masalaah orang² yang lahir sa-masa Perang Dunia Kedua. Bagi mereka² yang benar² lahir di-negeri ini dan ada bukti²-nya maka boleh-lah mereka membuat permohonan mendaftarkan kelahiran sa-chara lewat (late registration).

Mengenai kelewatan bagi memohon kad pengenalan membarui-nya sa-hingga dua tahun ini, saya akan membuat penyiasatan sa-bagai menjawab tuduhan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat itu. Pegawai tambahan telah pun di-adakan untuk hendak menyelesaikan semua permohonan² yang lama dan pada hari ini maka tidak lagi ada kelambatan² bagi sa-siapa mendapat kad pengenalan dan juga perkara berkenaan permohonan² kera'ayatan di-bawah Artikel 16. Kalau ada kelewatan di-bawah Artikel 19 ini memang kerana permohonan² ini hendaklah di-siasat dan di-halusi sa-belum kelulusan di-beri.

Juga ada tuduhan berkenaan dengan Pejabat Pendaftaran di-negeri Selangor, mungkin apa yang di-katakan itu berlaku pada masa yang lampau, tetapi tidak lagi sekarang kerana saya sendiri pun telah membuat lawatan ka-pejabat ini dan mendapati pada masa sekarang ada-lah pejabat ini menjalankan tugas²-nya dengan terator dan lichen.

Mengenai sungutan Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson yang mengatakan bahawa pegawai² Pejabat Pendaftaran Negara melawat²kan pengeluaran kad² pengenalan kepada pemohon², saya ingin mema'alumkan bahawa dengan ada-nya peratoran² yang berjalan sekarang, maka masa sa-saorang pemohon itu menunggu sa-belum mendapat kad pengenalan telah pun di-pendekkan. Ada-lah di-ma'alumkan bahawa pada masa sekarang ini masa bagi pemohon yang meningkat umur 12 tahun untuk mendapatkan kad² pengenalan mereka chuma memakan masa dua bulan sahaja. Bagi mereka² yang memohon penggantian kad² pengenalan apabila meningkat umur 17 tahun mengambil masa 4 atau pun hingga 6 bulan sahaja. Pada pandangan Kementerian ini masa² menunggu yang saya sebutkan itu ada-lah tidak di-anggap sa-bagai lewat oleh kerana perlu-lah bagi Pegawai² Pendaftaran menyemak dengan teliti-nya tiap² permohonan itu.

Untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat juga pada penghujung bulan Julai 1972 sabanyak 171,572 permohonan telah di-terima bagi mereka yang meningkat umur 12 tahun. Dari jumlah itu telah di-keluarkan dan baki-nya ada-lah chuma 75 sahaja. Mengenai pendaftaran sa-mula sa-lepas 6 tahun sa-saorang itu mendapat kad pengenalan yang asal-nya jumlah di-terima pada penghujung bulan Julai tahun ini ia-lah 176,429. Jumlah kad pengenalan yang telah di-keluarkan ia-lah 110,224 dan baki-nya yang tinggal ada-lah 6,205 sahaja. Bagi ma'aluman Ahli Yang Berhormat ia-itu mereka² yang memohon sa-mula kad pengenalan apabila chukop umur 17 tahun itu tidak-lah menjadi kesulitan kerana mereka itu sudah pun ada kad pengenalan asal. Jadi mereka boleh-lah menggunakan kad² pengenalan asal sa-belum mendapat kad pengenalan baharu.

Saperti Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang sedia ma'alum Jabatan Pendaftaran Negara ia-lah sa-buah Jabatan yang berdamping rapat dengan orang ramai ia-itu sa-buah jabatan yang bertanggung-jawab mengkaji butir² mula² sa'at ia lahir sa-hingga ia meninggal dunia, ia-itu sa-buah jabatan yang mengkaji kalau dalam bahasa Inggeris dari "cradle to the grave". Oleh yang demikian itu Kementerian ini dan jabatan tersebut sangat mengambil berat akan aduan serta kesusahan ra'ayat negeri ini terutama sa-kali mereka² yang tinggal jauh dari bandar². Ada-lah di-ma'alumkan juga pada tahun 1969 Bahagian Pembangunan Pentadbiran (DAU), Jabatan Perdana Menteri telah membuat satu kajian mengenai peratoran² Jabatan Pendaftaran Negara. Berikutan dengan kajian itu, maka Jabatan Pendaftaran Negara telah melaksanakan shor² yang di-kemukakan oleh bahagian tersebut ia-itu dengan chara menambahkan lagi bilangan kakitangan² di-Jabatan Pendaftaran di-seluruh negara.

Di-samping itu, Jabatan Pendaftaran juga mengkaji dari satu masa ka-samasa keadaan tiap² Jabatan yang ada sekarang ini, ia-itu sama ada kaki-tangan di-Jabatan yang ada sekarang ini dapat melayan orang ramai dan juga sama ada perlu atau tidak di-adakan kaki-tangan² yang lebeh ramai lagi. Di-dalam hal ini, suka-lah juga saya mema'alumkan bahawa Jabatan ini juga mengkaji dari satu masa ka-samasa akan penubuhan Pejabat² Pendaftaran yang baharu dengan tujuan

untuk menyenangkan ra'ayat jelata terutama sa-kali mereka yang tinggal jauh daripada bandar.

Bagi menjawab tegoran yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut, peratoran yang di-jalankan sekarang ia-lah untuk menche-gah surat² beranak daripada di-gunakan oleh orang² yang bukan berhak seperti illegal immigrant. Kes² yang berkenaan itu berlaku dalam tahun 1967 atau 1968 sa-belum Jabatan ini di-susun sa-mula. Semua kes² itu telah pun selesai sekarang. Jika ada lagi yang di-dapati, maka di-jemput-lah Ahli Yang Berhormat itu memberi butir² yang lanjut supaya perkara² ini dapat di-siasati.

Untuk menjawab tegoran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, suka-lah saya menyatakan sa-kali lagi, ia-itu tiap² permohonan yang hendak menjadi warganegara ada-lah di-kaji dengan teliti-nya sa-belum di-luluskan seperti yang di-sharatkan dalam Perlembagaan. Orang² yang hendak mendapatkan sijil² kewarganegaraan ada-lah di-kehendaki mengangkat sumpah ta'at setia kapada negara ini mengikut sharat² yang tertentu di-bawah Perlembagaan. Kerajaan telah mengambil tindakan meluchutkan taraf kewarganegaraan mereka di-bawah Perkara 25 (1) Perlembagaan kerana tiada ta'at setia kapada negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka mengadu bahawa permohonan² menjadi warganegara di-bawah Perkara 16 mengambil masa sa-lama hingga tiga tahun, dan beliau mengeshorkan supaya di-pendekkan tempoh itu kapada 6 bulan sahaja. Untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat, pukul rata tempoh masa menunggu ada-lah lebeh kurang enam bulan sahaja. Jika ada kes² yang lama, sila-lah Ahli Yang Berhormat itu kemukakan untuk di-ambil tindakan yang sa-wajar-nya.

Juga Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka menyatakan mengenai orang² yang memegang sijil kewarganegaraan di-bawah Perkara 30, yang belum menyerahkan-nya, mereka akan menghadapi kesulitan apabila mereka hendak menggunakan-nya untuk urusan rasmi pada kemudian hari kelak. Berkenaan dengan perkara ini, suka-lah saya membuat sedikit lagi penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, kalau di-izinkan saya berchakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) The effect of withdrawing the facilities for verifying Article 30 certificates after 30th September, 1972 is that the holders of unverified certificates will face inconveniences when such certificates are required to be produced for official purposes. Such certificates will have to be referred to the Registration Department after 30th September this year and in view of the fact that the staff dealing with the verification will be substantially reduced, there is bound to be delays in the verification. People should not complain when such delays occur after 30th September, 1972. We have no right to refuse certificates sent for verification after 30th September this year.

Mengenai tegoran yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsar, Kementerian ini mengkaji dari sa-masa ka-semasa kedudukan Pejabat² Pendaftaran bagi menyenangkan ra'ayat jelata. Ini saya telah pun menjelaskan, ia-itu pehak Kementerian ini dan juga Jabatan Pendaftaran sentiasa mengambil berat tentang kesusahan ra'ayat dan sa-berapa boleh hendak menyenangkan kapada ra'ayat jelata semua. Kata-nya, kad² pengenalan lewat di-keluarkan kerana *prima facie* evidence yang di-gunakan oleh sa-saorang warganegara apabila hendak mengambil paspot. Itu sa-bagai satu contoh, kata-nya. Oleh yang demikian, sa-kira-nya Pegawai Paspot tidak berpuas hati atas sa-suatu permohonan untuk mendapatkan paspot bagi warganegara itu, butir² bertulis ada-lah di-kehendaki. Jadi kalau-lah kadang² ta' chukop butir² yang di-tunjokkan dalam kad pengenalan itu, maka Pegawai Paspot itu terpaksa-lah mendapatkan butir² yang lebeh lanjut lagi dan dengan itu ada-lah berkehendakkan surat chara atau pun dokumen yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat menyebut berkenaan dengan orang² yang memegang kad pengenalan kelabu. Untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat itu, orang² yang di-kenakan perintah di-bawah Prevention of Crime Ordinance dan bukan di-bawah Restricted Residence Ordinance yang di-keluarkan kad pengenalan kelabu itu. Oleh yang demikian masaalah yang telah di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul, tetapi walau bagaimanapun tiap² orang yang memegang kad pengenalan kelabu itu ada-lah di-ulang-kaji dari masa ka-semasa dan mereka sendiri boleh-lah sa-kira-nya mereka hendak menukar kad

pengenalan kelabu itu kepada kad pengenalan biru, mereka boleh-lah membuat permohonan sendiri kepada Pejabat Pendaftaran supaya kes mereka itu boleh diulang-kaji.

Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sahaja penjelasan² yang dapat saya berikan dalam perbahathan atas Rang Undang² ini. Terima kasih.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² ZON PERDAGANGAN BEBAS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa suatu Rang Undang² bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Kawasan Bebas, 1971", di-bacha bagi kali yang kedua.

Rang Undang² ini ia-lah untuk meminda Akta Zon Perdagangan Bebas, 1971 dengan tujuan memberi pengecualian chukai jualan ka-atas barang² yang di-buat atau di-bawa masuk ka-kawasan bebas perdagangan. Menurut Sekshen 5 Akta Zon Perdagangan Bebas, 1971, barang² boleh di-bawa masuk ka-kawasan perdagangan bebas tanpa bayaran chukai kastam atau eksais. Sebabnya ia-lah kerana kawasan perdagangan bebas ada-lah di-maksudkan untuk perusahaan² yang mengeksport barang²-nya dan penubuhan perusahaan² itu akan di-begalakan yang besar jika peratoran² kastam yang di-kenakan ada-lah minima. Sekarang ini belum ada peruntukan undang² mengenai

pengechualian dari chukai jualan kerana chukai jualan di-adakan baru² ini sahaja. Oleh yang demikian ada-lah di-chadangkan supaya Akta Zon Perdagangan Bebas di-pinda dengan di-masokkan pengecualian ini di-dalam-nya.

Kerana sebab² yang sama seperti tersebut di-atas, ada-lah di-chadangkan juga supaya peruntukan melesen di-bawah undang² chukai jualan dan undang² eksais di-Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak tiada di-kenakan kepada kawasan perdagangan bebas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin di-mana perlu berchakap dalam bahasa Inggeris.

Saya ada-lah menyokong Rang Undang² yang di-kemukakan di-Dewan ini. Rang Undang² ini ada-lah terang menunjukkan yang Kerajaan boleh menerima dengan apa² suggestion yang berbangkit dari ra'ayat, maka dengan sebab itu-lah di-dalam Rang Undang² ini ada satu clause yang memberi exemption dengan Akta Chukai Jualan dalam Zon Perdagangan Bebas. Ini saya ingat satu perkara yang baik sa-kali, tetapi kalau sa-kira-nya Kerajaan menerima semangat apa yang sunggoh baik, maka mestilah di-buat lebih baik lagi. Saya ingat negara kita boleh berjalan dengan chepat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama dahulu ada dua tiga badan di-dalam negeri Pulau Pinang ia-itu Chinese Chamber of Commerce dan Old Boys Association Chung Ling, ada membangkitkan perkara bersangkutan dengan pelabohan bebas yang selalu di-dalam Dewan ini kita telah pun membahathkan, tetapi saya berharap Kerajaan boleh menerima-nya. Sunggoh pun Rang Undang² ini satu Rang Undang² yang baik sa-kali, tetapi saya berharap Kerajaan boleh menerima apa yang di-bangkitkan oleh mereka di-Pulau Pinang atas perkara dan masalah pelabohan bebas dalam negeri Pulau Pinang.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, this is very important because the Government, by giving consideration to the views and

opinions of the people in Penang, will carry out a useful dialogue with regard to the implementation of the free trade zones. There is no doubt whatsoever that in spite of Government's implementation of the free trade zones, in spite of the efforts towards improving the economy through industrialisation and particularly through export-orientated industrialisation, the commercial sectors in Penang nevertheless still feel that their livelihood has not improved to any great extent. Whatever the reasons may be, I feel that if the government were to examine the issues that were brought up recently by the Chambers of Commerce and the Old Boys' Association and if the Government were to carry out a dialogue with these bodies and review the whole question of the restoration of free port status in relation to the implementation of the free trade zones, there will be a much more fruitful development with regard to the implementation of the free trade zones and this proposed amendment with regard to the sales tax.

I must congratulate the Government for having taken the decision to give exemption to sales tax in the free trade zones, particularly with regard to the export-orientated industries. However, having taken this step in the right direction, perhaps, the Government could consider taking yet another step forward by, in actual fact, reviewing the whole problem of the sales tax, in particular with regard to the labour component of that tax.

Tuan Yang di-Pertua, the position with regard to the free trade zones is that they can be developed without any doubt to a situation where much of the economic losses that have been sustained with the erosion of the free port status can be recovered, but it will take time for the implementation in the free trade zones to reach complete fruition and to bring benefit to the people, particularly to the people in Penang and in Tanjong and it is because of this lag in time that I suggest that the Government seriously investigate into the points that are raised by these bodies with regard to their appeal for the restoration of the free port status and provide them with alternative arguments. They have, in actual fact, some substance in their arguments, because in the past ten years, the economy of Penang, particularly with regard to the trading sectors and with regard to the commercial enterprises has really been retarded

through very many different circumstances such as confrontation, the closure of the Suez Canal and the Government's policy on increasing the lists of articles that are subject to duties. But the main point that the people emotionally respond to is that the elimination of the free port status in Penang has given them all these troubles, and unless they are explained away, then I am afraid the controversy will go on for quite some time.

Unless the Government is prepared seriously to consider increasing Government's aid to the State, particularly for the implementation of the free trade zones, it may not be possible for us to move as fast as we would wish because as has been brought up in recent investigations, in the last 10 years the Federal Government's contribution of revenues to the State Government has been very much lower in comparison with its contribution to other States.

In 1969, Penang received approximately 64% of its revenues from its own sources and 35% in the form of allocations and grants. For the 11 States in the Federation as a whole the ratios were 68% and 32% respectively. However, on a *per capita* basis, allocations and grants were only \$7.84 in Penang as compared with almost \$11.00 in 11 States as a whole.

Mr Speaker, Sir, it is in the light of this long drawn out, drying out, of the potentials in Penang, first with the loss of the free port status and, secondly, without too much plough-back of revenues from the Federal Government, that the commercial and trading sectors in Penang are now suffering the difficulties and hardships that they encounter. So, I hope that the Federal Government, now having shown that it is able to consider and to review its own position by bringing this amendment to the Free Trade Zones Act, will also further take the opportunity to review the points that have been brought up and consider whether or not at this stage it may be necessary for us to further investigate into the issues concerning the free port status and to restore it, or else for the Government to consider pouring in larger sums of investments into the free trade zones to make them viable and competitive. Tuan Yang di-Pertua, I have always maintained that the development of the free trade zones not only in the State of Penang but throughout Malaysia—

there are now free trade zones in Malacca, Johore, Sarawak and elsewhere—the development of the free trade zones must be considered to be of national benefit because through these free trade zones a lot of the industries which we now seek, particularly export industries which we now seek to establish, will be established to the benefit of the nation as a whole and the economy of the nation as a whole and not purely for the benefit of the State where these free trade zones can bring economic benefit to the Federation as a whole. Under the circumstances, I urge the Federal Government seriously to review the position of the free port status and, in particular, the alternative of establishing the free trade zones as a strong, viable economic sector in our development and to pour more money into them quickly and rapidly and not to let them drag out until they become less meaningful.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap-lah Kerajaan akan mengambil perhatian dan tindakan atas dua tiga perkara yang saya bawa dalam perbahathan ini. Terima kasih.

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I must say I was rather surprised to hear the Honourable Member for Tanjong admitting openly, for the first time, that the economy of the trading sector and commercial sector in Penang has in the past few years been retarding in spite of the Government we have had since 1969. What I said some time back in this Chamber, Mr Speaker, Sir, that the State of Penang has been treated like a Cinderella State, has now been further substantiated by the Honourable Member for Tanjong.

Mr Speaker, Sir, I have stated before, and I repeat, that the people of Penang do not ask that the free port status of Penang remain *ad infinitum*. They are not so unreasonable, but so long as an alternative to the free port status is not existing, then the free port status should remain and should not be eroded step by step till nothing is left because the State of Penang, as everybody knows, is a commercial centre and not an industrial centre as yet.

Mr Speaker, Sir, the free trade zones that have been gazetted for Penang are of two types as I see it: (1) to permit entrepot trade to take place within the area; and (2) as in the Bayan Lepas area, for industrialisation

to take place. It is hoped that within this free trade zone area at Bayan Lepas, export orientated industries would be set up. However, Mr Speaker, Sir, the Government should be careful not to give such inducements to those who set up these industries in the free trade zone area, but who instead of exporting their produce look to the local market. By virtue of putting quotas and banning the imports of similar products as produced in the free trade zone area, what can happen is that those who set up factories there will be tempted to produce goods for the local market because they have a captive market in that case. Their goods need not be of very high quality compared to foreign goods, their prices may not be competitive and the whole concept of having free trade zones for the purpose of encouraging export orientated industries will thereby be defeated.

There is another point, Mr Speaker, Sir. Foreigners, it is hoped, would bring in industries into these free trade zone areas. But the Government must be selective in the type of industries that are brought there. The Government should not take the attitude that we should be just the suppliers of labour for these industrialists to set up their factories there. The industries set up should require some skill and opportunities for Malaysians progressively to acquire greater skills. In other words, the industries must have a lot of technological content and not just the use of intensive labour in those areas. Mr Speaker, Sir, the Government gives great incentives to foreigners who put up factories here on the grounds that we need their skill, their expertise and their capital. The argument may or may not be valid.

But, Mr Speaker, Sir, Government, whilst trying to have the country industrialised, should also look after the interest of the workers and not allow workers to be paid wages that are not meaningful, that are exploitative as the wages that are being paid right now in the industries that have come up in the free trade zone in Bayan Lepas indicate. Paying a worker \$60 or \$70 a month, Mr Speaker, Sir, is just nothing but exploitation and the Government has a duty not only to try and get this country industrialised, but an equally important duty, a bigger duty in fact, to see that its citizens are not exploited, for otherwise the idea of industrialisation becomes meaningless. One does not

try to have one's country become an industrialised nation for the sake of having it become an industrialised nation. It must be for the purpose of developing the quality of the citizens, to improve the standards of living.

I just would like to say, Mr Speaker, Sir, that Government must finally decide whether it wants to get rid of the free port status of Penang or not. Let the public of Penang know once and for all what its position is. It is no use eroding the free port status all the time and keep saying that this is for the purpose of protecting local industries when the local industries that are supposed to be protected do not even exist at times. We wait—application is made, tariffs are applied but the factories don't come up after one year, 2 years, but the customs duty is not reduced. That is misleading the public, Mr Speaker, Sir. So, let the people know and decide one way or the other but, if the free port status must go, if the Government has decided that it must go, then please, see to it that the people of Penang have an alternative means of making a living and improving the economy of the State.

Finally, Mr Speaker, Sir, I repeat my call for a Federal and State Public Commission on the free port status of Penang—for the Commission to hold public hearings and to get the views of the Chinese Chamber of Commerce and all other Chambers of Commerce in Penang and the Old Boys' Association and other interested bodies and the public of Penang itself—find out their views on this issue. Thank you, Sir.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'id (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang² Zon Perdagangan Bebas (Pindaan).

Sa-bagaimana yang kita sedia ma'alom tujuan hendak mengadakan kawasan perdagangan bebas ini ia-lah untuk hendak menggantikan pelabohan bebas Pulau Pinang. Saya berharap dengan lulus-nya pindaan ini kawasan perdagangan bebas itu akan disediakan dengan sa-cheput mungkin. Pada masa lawatan Yang Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari dahulu, beliau telah pun menggesa supaya kawasan itu di-siapkan dan jikalau tidak sempat hendak membena tembok², beliau katakan biar-lah dipagar dengan kawat duri buat sementara waktu asalkan kawasan perdagangan bebas

ini di-laksanakan. Sa-lagi kawasan ini tidak di-sediakan atau di-siapkan maka sa-lama itu-lah akan bangkit masaalah pelabohan bebas Pulau Pinang.

Sa-bagaimana kita sedia ma'alom, saya ada-lah orang negeri Pulau Pinang dudok di-Seberang Prai, ra'ayat negeri Pulau Pinang. Pada masa penjajahan dahulu pelabohan bebas ini termasuk Seberang Prai. Mereka di-Seberang Prai mendapat kemudahan barang² murah. Sa-lepas daripada itu di-hadkan kapada pulau itu sahaja. Jadi, terlepas orang² di-Seberang Prai mendapat kemudahan barang² yang murah. Apa yang saya hendak sebutkan ini, Tuan Yang di-Pertua, dari segi keadilan ra'ayat dalam sa-buah negeri pun tidak kita jalankan keadilan, tambahan pula kalau kita bandingkan kapada seluroh ra'ayat dalam Malaysia ini. Saya berharap supaya kawasan perdagangan bebas ini di-tubuhkan dengan sa-cheput mungkin dan pelabohan bebas Pulau Pinang itu di-hapuskan untuk hendak memberi kemudahan, keistimewaan kapada semua warganegara Malaysia yang melawat ka-Pulau ini. Dan, Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu ranchangan hendak menghapuskan pelabohan bebas ini sudah pun di-per-setujui dengan sa-chara beransor² sa-lama dua belas tahun, dengan chara mengenakan chukai dari sa-masa ka-samasa sa-hingga masuk kawasan pulau itu dalam kawasan kastam.

Pada masa sekarang ini, manakala orang daripada Tanah Besar pergi ka-Pulau Pinang, mereka mendapat kesusahan manakala balek dari Pulau Pinang terpaksa di-pereksa oleh pehak kastam di-pengkalan Sultan Abdul Halim. Sa-kira-nya kawasan perdagangan bebas ini di-adakan dan di-hapuskan pelabohan bebas, maka memberi suatu keistimewaan, kemudahan kapada orang² yang di-Tanah Besar hendak melawat Pulau Pinang, manakala balek tidak payah-lah menerima kesusahan pepereksaan daripada Pegawai² Kastam.

Apa yang saya berharap, sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang supaya pehak Kerajaan Pusat akan memberi lebeh keistimewaan kapada Pulau Pinang, khas-nya bagi kawasan perdagangan bebas ini untuk hendak memberi lebeh lagi faedah kapada ahli² perniagaan dan perdagangan di-sana.

Satu perkara yang saya harap dapat perhatian daripada Kementerian ini, manakala di-ishtiharkan, di-gazettekan, kawasan perdagangan bebas ini, di-harap-lah akan ada satu peruntokan khas bagi pedagang² bumiputra yang sedang berusaha untuk hendak menjalankan perdagangan impot dan eksport. Sa-kira-nya perhatian yang berat tidak diberikan kepada bumiputra, saya takut barangkali bumiputra ini tidak dapat hendak bertanding dengan pedagang² yang lebeh mahir dalam hal perdagangan dan lebeh mempunyai modal yang banyak. Jika boleh, pehak PERNAS, saya harap, akan mengambil bahagian yang chergas sa-bagai mempelupori perdagangan² bagi bumiputra supaya dapat mereka mengambil bahagian dalam kawasan perdagangan bebas ini dengan mengadakan bangunan² perindustrian yang boleh mereka jalankan, mithalnya mengadakan perdagangan dengan Utara Sumatera, membawa barang² di-sana masuk ka-dalam perdagangan bebas ini dan di-jadikan benda² yang boleh di-eksport keluar negeri.

Dengan chara yang sa-demikian, Tuan Yang di-Pertua, dapat-lah peluang kepada bumiputra mengambil bahagian bersama² dengan rakan²-nya dalam bahagian perdagangan impot dan eksport ini.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap manakala terdiri-nya Kawasan Perdagangan Bebas kelak, pehak Kerajaan Pusat khas-nya Menteri Kewangan akan memberi keistimewaan khas ia-itu manakala barang² yang masuk dalam kawasan bebas ini hendak di-keluarkan, pehak Kastam dan Eksais berkehendakkan chukai di-bayar dengan sertamerta maka baharu-lah boleh barang² itu keluar daripada Kawasan Perdagangan Bebas ini.

Saya berharap pehak Kementerian ini akan memberikan satu keistimewaan supaya memberi kredit bayaran chukai sa-lama 30 hari atau pun lebeh dengan chara yang macham ini dapat-lah orang² yang hendak mengeluarkan barang² daripada kawasan bebas ini, menjualkan barang²-nya dahulu dan bayarkan chukai kastam itu dalam tempoh 30 hari, kalau boleh, saya ingat dengan chara yang sa-macham ini dapat-lah Pedagang² kemudahan sedikit supaya dapat memusingkan modal mereka dengan yang demikian akan mendapat keuntungan yang lebeh. Terima kaseh.

Tuan Walter Loh Poh Khan (Setapak): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I fully support this Bill because free trade zones will attract many big factories and be able to solve unemployment. I would also like to congratulate the Minister who said the other day that licences have been approved within 18 days. However, I have got a few points about problems which these factories have experienced.

Our free trade zone areas—particularly the one in Sungei Way which is not ready yet. Some of the big industries are very keen to come into this country and some have temporarily set up factories waiting for the free trade zone area to be ready. But during this interim period certain materials brought in are not exempted from sales tax, because these materials do not directly form part of a manufactured product. Also, local purchases such as transformers and machinery are not exempted from sales tax. According to the Customs here, under the Sales Tax Ordinance there is no provision allowing them to exempt these industries from sales tax. Thus it will discourage investors from coming in because of these small problems involved, which we cannot afford, especially big investors where they want to turn out quick products and sell the goods. The other point, Mr Speaker, Sir, is the power supply. The power supply in Sungei Way is a problem because the department concerned does not have sufficient machines to generate power for all the industries and it is understood they will give temporary supply which is only sufficient to supply one factory. One factory will require 400 kilowatts, whereas the temporary supply can only produce 520 kilowatts, leaving the other industries with little or no power. Similarly, Sir, water supply is another problem and I hope the Honourable Minister will look into this and try to speed this up in order to make other industries come in quickly.

Mr Speaker, Sir, I would like to comment a bit on the Honourable Member for Penang Utara's speech. He asked the Honourable Minister to make these industries to sell the products locally. I do not blame this Honourable Member, because he has never worked in commerce or industry and does not know what factors lie behind it and does not know the meaning of Free Trade Zone. The Honourable Member unfortunately is not in

this House now, but these industries are not peanut industries; they are huge industries employing when in full production, about 3,000 workers. If the Honourable Minister is to ask them to sell to the local market here, I think no industries will come in because one day's production from these industries will be sufficient to provide our needs for one year. And how can you expect these big industries to come in and ask the Minister not to allow them to export these products? It is a bit silly of this Honourable Member—I am sorry if I have said something wrong—but I hope he would join the industries and understand how industries operate.

He also forgot that by our exporting these products manufactured locally, it generates profits. We buy the raw materials, we manufacture the goods, export them and sell them at a profit and the profit is retained in this country, and thus it helps the country's economy. Do not also forget the amount of capital involved. In view of the fact that these industries are so huge, they bring in capital by the millions of dollars and he should know that this country needs this type of industries.

As the saying goes, we cannot have the cake and eat it ourselves. We must give and as well take. We give them certain concessions; on the other hand we get the money coming in and they are going to create a large number of jobs and when we market the goods overseas it will generate profits. All these must be looked into. But I am afraid the Honourable Member for Penang Utara does not know this because he never had any experience at all in industries. I wish and hope that the next time he will first investigate or go and work in the firms or industries before he makes such comments. He also mentioned the wages as being \$60 a month. I do not think so because I can vouch that in the company in which I am working, which is an electronic company, the lowest wage is \$120 and not \$60. So I hope he will again investigate this matter before he brings it up in this House. Mr Speaker, Sir, that is all I have to say.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang² (Pindaan) kepada Akta Zon Perdagangan Bebas ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada pandangan Ahli² Yang Berhormat yang datang daripada Negeri Pulau Pinang sendiri ya'ani sa-bahagian-nya daripada Pulau Pinang dan sa-bahagian-nya di-luar Pulau Pinang, maka kita dapat-lah kedudukan yang jelas, ia-itu pandangan yang di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat daripada Pulau Pinang itu ada-lah terlalu sempit dan terlalu partisan ya'ani tidak menggambarkan kepentingan Negeri Pulau Pinang itu seluruh-nya apa-tah lagi kalau hendak menggambarkan dia sa-bagai membayangkan kepentingan seluruh Malaysia ya'ani seluruh negara Malaysia ini 'am-nya. Kalau sudah kita hendak kekalkan taraf pelabohan bebas (free port status) sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Pinang Utara, maka tidak ada ma'ana-lah Akta Zon Perdagangan Bebas ini di-bawa ka-dalam Pulau Pinang.

Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan Zon Perdagangan Bebas dan juga Pelabohan Bebas. Dia berkehendakkan dua². Di-sini-lah membayangkan sa-bagaimana yang telah di-katakan bekas rakan sejawat Ahli Yang Berhormat itu yang dahulu sama² dalam D.A.P. ya'ani Ahli Yang Berhormat itu berchakap dengan tidak tahu hujong pangkal berkenaan dengan ekonomi, berkenaan dengan perusahaan dan sa-bagai-nya. Kita mengenakan chukai di-Pulau Pinang atau pun meluaskan chukai ka-Pulau Pinang dari satu masa ka-satu masa atas barang² yang tertentu ada-lah dengan beberapa tujuan ia-itu dengan tujuan untuk memperkuat kedudukan indastri² di-dalam negeri kita ini sama ada yang di-sabelah luar Pulau Pinang dan juga di-sabelah dalam Negeri Pulau Pinang.

Berkenaan dengan permintaan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong supaya Pulau Pinang di-berikan peruntukan yang lebeh untuk memajukan kawasan Zon Perdagangan Bebas itu, perkara ini boleh-lah di-timbangkan dan boleh-lah di-rundingkan dan Ahli Yang Berhormat itu sendiri ada-lah Ketua Menteri Pulau Pinang dan Kerajaan Pulau Pinang ada-lah Kerajaan Champoran dengan Kerajaan Perikatan dan saya rasa perundingan ini dapat mudah berjalan, sebab-nya polisi Kerajaan Negeri Pulau Pinang tentu-lah lebeh sesuai dan lebeh rapat dengan polisi Kerajaan yang memerintah di-Kerajaan Pusat.

Berkenaan dengan kata-nya Pulau Pinang mendapat sumbangan wang yang sedikit daripada Kerajaan Persekutuan, maka saya fikir perkara ini tidak-lah betul, kerana sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan kepada negeri² ada-lah terta'alok di-bawah peruntukan² Perlembagaan yang ada. Kalau sa-kira-nya Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkehendakkan lebih wang, maka perkara ini boleh-lah di-rundingkan sama ada sa-chara terus dengan pihak Kerajaan Pusat atau pun terus dengan Kementerian Kewangan atau pun melalui Majlis Kewangan Negara.

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara mengatakan perusahaan atau kilang² di-dirikan dalam kawasan perdagangan bebas hendak-lah jangan mengingat hendak menjualkan barang² ini ka-dalam negeri sahaja. Ini sa-bagaimana yang telah di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak. Ahli Yang Berhormat itu is talking through the ass, not through the head. Beliau tidak tahu langsung berkenaan dengan Free Trade Zone dan beliau tidak tahu kenapa kompeni² bertujuan menubuhkan kilang ini di-dalam Free Trade Zone. Kompeni² menubuhkan kilang² di-dalam kawasan Perdagangan Bebas atau pun Free Trade Zone ia-lah kerana mereka berkehendakkan tidak terta'alok kepada procedure² kastam yang banyak tetapi mereka berkehendakkan bebas oleh kerana hasil kilang mereka itu hendak di-ekspotkan keluar negeri. Sebab itu-lah mereka mendirikan kilang² di-dalam Zon Perdagangan Bebas.

Ahli Yang Berhormat itu tidak faham akan kedudukan ini. Satu lagi ia-lah kebanyakan kilang² yang besar² yang hasil-nya hendak di-ekspotkan ka-seluruh dunia. Kalau-lah hendak di-ekspotkan sa-mata² ka-dalam negeri ini maka pasaran di-dalam negeri ini terlalu-lah kecil. Sa-bagai satu contoh ia-lah kilang elektronik.

Perkara yang satu lagi Ahli Yang Berhormat itu mengatakan barang² buatan di-dalam negeri ini ada-lah mutu-nya atau pun quality-nya rendah. Ini ada-lah satu tuduhan biasa dan Ahli Yang Berhormat itu tidak memberikan sa-barang keterangan berkenaan dengan tuduhan²-nya dan ini menggambarkan bahawa sa-bagai ra'ayat Malaysia, Ahli Yang Berhormat itu tidak chuba bersama² mempertanyakan atau

meninggikan nama baik barang² buatan Malaysia, tetapi sa-balek-nya menuduh dengan melulu dengan tidak ada sa-barang bukti.

Satu lagi point yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah Kerajaan kita hendak-lah memilih atau selective di-dalam membenarkan kilang² di-tubuhkan. Di-sini nampak-nya Ahli Yang Berhormat itu jahil akan polisi Kerajaan kita. Kalau sa-kira-nya kilang² yang hendak di-dirikan itu untuk pasaran di-dalam negeri ini, pihak Kerajaan memang-lah selective. Erti-nya kalau pasaran itu sudah penuh di-dalam pasaran negeri, maka sa-suatu sharikat itu hendak mendirikan kilang-nya dan hendak menjualkan hasil-nya di-dalam negeri ini, maka kita tidak benarkan. Kalau sa-kira-nya pasaran itu masih belum penuh, maka kita benarkan. Tetapi kalau sharikat² hendak mendirikan kilang² untuk di-ekspotkan hasil-nya keluar negeri, maka kita benarkan. Dan soal selective atau tidak selective, maka ini memang sudah di-pertimbangkan sa-lama ini oleh Kerajaan. Jadi apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah sa-mata² membayangkan kejahilan-nya tentang dasar² perusahaan bahkan dasar² ekonomi negeri ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga berkata, ia-itu kilang² yang hendak di-dirikan dalam negeri ini hendak-lah membawa teknologi. Ini juga membayangkan bahawa Ahli Yang Berhormat itu sudah out of date dan memang-lah menjadi dasar Kerajaan sekarang ini menggalakkan sharikat² yang hendak mendirikan kilang² di-dalam negeri ini membawa teknologi yang maju yang up-to-date ka-dalam negeri ini.

Sa-lain daripada itu, kita juga menggalakkan kilang² atau perusahaan² yang menggunakan sa-berapa banyak tenaga buroh, tenaga pekerja yang boleh. Sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita memberikan pengecualian cukai ka-atas jentera² atau mesin, maka kita kenakan syarat. Pertama sa-kali ia-lah kita kenakan syarat ia-itu jentera itu hendak-lah baharu. Erti-nya jentera itu hendak-lah up-to-date teknologi-nya. Ahli Yang Berhormat itu tidak faham, maka saya suka-lah mengeshorkan kepada Ahli Yang Berhormat itu, sila-lah datang untuk mendapatkan briefing sama ada berjumpa dengan pihak Kementerian² yang berkenaan

sa-belum membahathkan dalam Dewan ini, kalau tidak kita membuang masa, Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi perkara memang-lah dasar Kerajaan, ia-itu dalam pelaksanaan industrialisation negara kita ini, kepentingan pekerja², kepentingan buroh² memang-lah di-perhetongkan dan di-ambil berat oleh pehak Kerajaan. Sebab itu-lah berbagai² undang² yang di-kemukakan untuk melindungi kepentingan pekerja² khas-nya kepentingan kaum² buroh.

Satu perkara lagi yang Ahli Yang Berhormat itu tidak tahu, ia-itu dia berkata kalau sa-sabuah sharikat membuat permohonan untuk mendirikan kilang, maka serta-merta chukai di-naikkan sedangkan kilang tidak juga di-dirikan dan tidak juga memulakan production-nya. Tuan Yang di-Pertua, ini juga satu kesalahan, satu perkara yang tidak betul. Yang sa-benar-nya chukai atau tarif ini di-naikkan apabila kilang itu mula mengeluarkan hasil-nya yang hendak di-lindungi oleh pehak Kerajaan. Tidak-lah dengan serta-merta ya'ani apabila ada permohonan maka chukai pun di-naikkan dengan serta-merta, ini tidak betul.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara, ia-itu meminta supaya pehak Kerajaan memberikan pertolongan yang khas istimewa-nya kepada bumiputra untuk mengambil bahagian di-dalam perdagangan dalam kawasan perdagangan bebas, saya suka-lah melalui Dewan yang mulia ini menyatakan ia-itu pehak Kerajaan sentiasa sedia menimbang dan memberikan apa² kemudahan untuk menggalakkan peniaga² atau pedagang² bumiputra sa-berapa yang boleh. Chuma saya berharap-lah pehak² yang datang berniaga, Melayu atau bumiputra atau pun badan² lain supaya dapat mengemukakan kepada Kerajaan memorandum², atau sa-bagai-nya dengan mengandungi fikiran², shor² supaya dapat di-laksanakan oleh Kerajaan dengan lebeh mudah dan lebeh chepat lagi.

Berkenaan dengan chukai jualan yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi, bahan² mentah, atau pun raw material untuk kilang² ada-lah di-kechualikan daripada chukai jualan.

Berkenaan dengan jentera atau pun machinery ada-lah juga boleh di-kechualikan daripada chukai jualan bergantung-lah

kapada merit atau pun kapada sa-suatu perkara itu. Mithal-nya kalau biasa-nya jentera itu jentera lama (second-hand) biasa-nya kita tidak berikan perkechualikan daripada chukai impot dan lain² chukai. Bagitu juga berkenaan dengan chukai jualan jentera² boleh di-kechualikan daripada chukai jualan. Sekian.

Usul di-kemuka bagi di-putusan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² KASTAM (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa satu Rang Undang² bernama "suatu Akta bagi meminda Akta Kastam, 1967" di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah bagi meminda gelaran Jawatan² Pegawai² Kanan Kastam yang tertentu. Mengikut Sekshen 2 (1) Akta Kastam, 1967 istilah "Pegawai Kastam" berma'ana, antara lain, sa-saorang Pengarah Wilayah, Timbalan Pengarah, Ketua Penolong Pengarah, Penolong Kanan Pengarah atau Penolong Pengarah Kastam dan Eksais. Berikutan dari penyusunan samula Jabatan Kastam baru² ini ada-lah di-chadangkan supaya gelaran Jawatan² Pengarah Wilayah, Timbalan Pengarah dan Ketua Penolong Pengarah di-pinda kapada Timbalan Ketua Pengarah, Penolong Ketua Pengarah dan Pengarah mengikut mana yang berkenaan.

Pindaan² kapada gelaran² yang di-chadangkan ada-lah terkandung di-dalam Rang Undang² yang juga membolehkan pindaan² yang berlaku kemudian-nya di-buat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Menteri Kebajikan 'Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Peter Paul Dason: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this Bill seeks to do nothing more than to just change the styles of names or designations of some officials and I find no objections to it. I lend my support to it.

However, I would like to make certain observations about the Customs Department, especially in Penang, and the workings of the Customs Department. Mr Speaker, Sir, Penang as we all know is a trading centre and, therefore, we have a lot of importers and exporters; it is also due to the fact that we have a good port there. Therefore, these business people, importers and exporters, come into contact with the Customs Department very often. They have a lot of dealings with the Department. As a result of this, a number of the people have made a lot of complaints to me about the Customs Department. I will enumerate these complaints.

It is alleged that when 3.30 p.m. on a working day, from Monday to Friday, comes around, there seems to be an attitude amongst the Customs officials when they are approached for help or to clarify certain matters—they take the attitude that these problems of the public, of the merchants, of the importers and exporters, can be tackled the next day. Mr Speaker, Sir, I hope that the Ministry concerned would look into these allegations, and if found true, put a stop to it. This is time wasting. Customs officials are public servants and they should work up to 4 o'clock.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Can the Honourable Member be more specific in his allegations?

Tuan Yang di-Pertua: (*Kapada Tuan Peter Paul Dason*) Will you sit down for a moment? (*Kapada Timbalan Menteri*) What are you asking?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: (*Dengan izin*) I hope the Honourable Member will be more specific in his allegations so that I can take action after this.

Tuan Peter Paul Dason: Mr Speaker, Sir, my next point is that they allege, they complain, that very often when they go to the Customs Department to answer queries raised by the Customs Department itself, they are made to wait for a long time—at times as long as two hours. It may be, Mr Speaker, Sir, that the Customs in Penang is short of staff and therefore the merchants are made to wait. Whatever it is, precious time is being wasted and if it is due to lack of staff, I would suggest that the Ministry should engage more staff.

Thirdly, complaints have been made that the Customs officials are rude to clerks and peons of importing firms who have to go to the Customs Office to get clearance for their documents. But when bosses of these firms go, the bosses are treated differently, i.e. that there is a clear distinction between the treatment meted out to clerks and peons and the treatment given to bosses. This is wrong, Mr Speaker, Sir. Government servants should treat everybody alike and not look at their status and a stop should be put to it.

